

Laporan  
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR  
**AKNC**





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN

## ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

### 2023

#### KOLEJ PENGAJIAN SENI KREATIF PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

---

**KETUA PTJ :**

SHAHANUM BINTI MD. SHAH

**KETUA UNIT KUALITI :**

SHAHRUL AINA BT. OMAR

**PENYELARAS :**

SHAHRUL AINA BT. OMAR

**PENULIS :**

1. RITA MARDHATILLAH BINTI UMAR RAUF
2. HELMI BIN ROSLI
3. HAIRUL HAFIZI BIN HASNAN
4. FAEZAH BINTI HAMDAN
5. NORLELA BINTI ISMAIL
6. SITI NORMALA BINTI HAMZAH
7. KENCHANA WATI BINTI MD YUSOF

8. AZROZ BIN MOHD
9. AIMI NABILA BINTI ANIZAIM
10. MOHD FAIRUS BIN YUSOFF
11. MUHAMAD FAHMI BIN AHMAD
12. JUITA JAAFAR MANAP
13. NOOR ASHRAF BIN NOOR OTHMAN
14. WAN ZAMANI BIN WAN ZAKARIA
15. ZAHIR ALAUDDIN BIN ABD HAMID
16. ZULIYANTI HANIZAN BINTI AINUL AZYAN
17. MASTURA BINTI MUHAMMAD
18. NURUL SHAFINAZ BINTI IBRAHIM
19. MURSYIDAH BINTI ZAINAL ABIDIN
20. NIK SYAHIDA BINTI SABRI
21. MUHAMMAD SUKOR BIN ROMAT
22. AMINAH BINTI ABD.RHAPOR
23. ABDUL WALID BIN ALI
24. SHAMSOL KAMAL BIN SHRRIFFUDIN
25. SHAMSIAH BT SHAMSUDIN
26. NORASYURA BINTI ABDUL AZIZ
27. MOHD FADIL BIN YUSOF
28. KAMISAH BINTI YAHAYA
29. SHAHRUL AINA BT. OMAR
30. SHAHRUL AINA BT. OMAR
31. MUHAMMAD NAZMI BIN ANUAR
32. MOHAMAD SAIFUL AIZAT BIN MOHAMAD SHIBI
33. AHMAD TARMIZI BIN KAMARUZAMAN
34. SYED AHMAD SYUKRI BIN TUAN DALAM
35. PRINSES SALIANG

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Kepimpinan merupakan elemen penting yang akan menentukan kejayaan dan kegagalan sesebuah organisasi. Kepimpinan sesebuah organisasi memerlukan individu yang ada kepakaran dalam mengurus dan kemahiran teknikal tertentu bagi menggerakkan warga kerja melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab dan bersama-sama dalam mencapai misi dan visi organisasi. Pengurusan Kanan Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) merupakan pengurusan kepimpinan tingkat tertinggi yang akan menentukan hala tuju dan strategi serta matlamat KPSK. Pengurusan Kanan KPSK terdiri daripada penyandang bagi jawatan berikut :

- i. Penolong Naib Canselor
- ii. Dekan ( Akademik & Antarabangsa, Hal Ehwal Pelajar, Penyelidikan & Inovasi, Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni)
- iii. Ketua Pentadbiran
- iv. Ketua Kualiti
- v. Ketua Kewangan

Bagi melancarkan pentadbiran dan pengurusan Kolej Pengajian, Pengurusan Kanan dikukuhkan lagi dengan pelantikan tujuh (7) orang Ketua Pengajian, 2 orang Ketua HEP, Ketua RIG (Penyelidikan), Ketua Business Development Unit (BDU).

Dalam memastikan perancangan hala tuju dan prestasi KPSK, pengurusan kanan KPSK telah menetapkan dokumen berikut sebagai rujukan utama :

- i. CCA Operation Excellence, 4 Februari 2022
- ii. Konvensyen Hala Tuju KPSK 2022, 7 Okt. 2022
- iii. Sesi Bersama PNC KPSK
- iv. Pemetaan Performance Indicator (PI) khususnya 10 PI bidang tumpuan dengan aktiviti Strategic Action Plan yang memberi impak kepada prestasi dan pencapaian KPSK pada tahun 2022.

Perancangan dan pelaksanaan aktiviti dan perancangan strategik KPSK tahun 2022 dilaksanakan dan dipantau secara berterusan melalui pelaporan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Kolej Pengajian (JEK), Mesyuarat Tabung Amanah Pelajar dan mesyuarat peringkat jabatan. Pengurusan Kanan KPSK juga komited dalam memastikan penglibatan semua warga KPSK dalam aktiviti dipelbagai peringkat penyertaan bagi meningkatkan prestasi pencapaian dan ketampakan KPSK di peringkat universiti, kebangsaan dan negara.

Keberkesanan dan kepelbagaian sumber komunikasi menjadi kekuatan dalam memastikan perancangan dan pelaksanaan aktiviti yang dijalankan di KPSK dapat menghasilkan impak kepada prestasi KPSK dan UiTM khususnya. Komunikasi dua hala yang berkualiti dan pengoptimuman teknologi maklumat dan media sosial memberi peluang kepada perkongsian maklumat, buah fikiran dan penghargaan kepada semua warga KPSK.

Pelajar yang menjadi fokus bidang tumpuan juga diberi peluang dalam memperkasakan penglibatan dan pembangunan sendiri pelajar bagi menghasilkan pelajar dan graduan yang berkualiti dan mempunyai nilai kebolehpasaran graduan yang tinggi. Bagi tahun 2022, 196 program pelajar telah dilaksanakan melibatkan program kepimpinan, pembangunan pelajar, kesukarelawanan, sukan dan kebudayaan dan juga program berasaskan keperluan akademik dan pengajian pelajar.

Bagi memastikan aktiviti dan pelaksanaan program yang memberi impak dan hasil kepada

prestasi pencapaian bukan sahaja kepada setiap warga KPSK secara individu malah kepada pencapaian kolej secara keseluruhan, pemantauan secara berterusan dilaksanakan oleh pengurusan kanan KPSK. Pelaporan aktiviti dan prestasi pencapaian PI direkod dan dipantau oleh pengurusan KPSK melalui mesyuarat utama kolej pengajian; Mesyuarat Jawatankuasa Ekecutif Kolej Pengajian (JEK), Mesyuarat Tabung Amanah Pelajar KPSK.

Seterusnya, pengurusan kanan KPSK secara berterusan menyokong penuh penambahbaikan yang dilaksanakan bagi memastikan aktiviti dan program yang dijalankan memenuhi objektif program. Pelaksanaan program dan aktiviti KPSK menggalakkan penglibatan dan sinergi pelajar dan staf dari pelbagai program dan pengajian serta kerjasama bersama pihak industri bagi menghasilkan output serta hasil program yang berkualiti dan memberi impak kepada prestasi KPSK secara keseluruhannya.

## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kepimpinan KPSK telah mengambil pendekatan berikut untuk menggerakkan bidang tumpuan iaitu:

### 1. Pelantikan Pentadbir Akademik Secara Berfokus

Pengurusan Hal Ehwal Pelajar di KPSK diketuai oleh Dekan Hal Ehwal Pelajar dengan dibantu oleh dua (2) orang Ketua, dua (2) orang Koordinator serta lima (5) orang Penyelaras yang telah dilantik secara berfokus dalam menguruskan bidang tumpuan.

Dekan Hal Ehwal Pelajar juga telah diberikan penurunan kuasa oleh Pengurusan untuk membantu melancarkan proses pembuatan keputusan dan operasi bidang tumpuan.

Pengurusan KPSK juga telah memutuskan untuk menempatkan Pejabat Dekan Hal Ehwal Pelajar di Kampus UiTM Puncak Perdana bagi memastikan pengurusan hal ehwal pelajar dapat dimaksimumkan berikutan kampus Puncak Perdana memiliki jumlah pelajar teramai iaitu 2,425 pelajar ataupun 44% dari jumlah keseluruhan pelajar KPSK di Selangor. Keputusan ini adalah hasil daripada perbincangan dan maklumbalas yang diterima oleh Jawatankuasa PROTEMP KPSK dalam mesyuarat-mesyuarat sebelum pembentukan KPSK.

### 2. Keberkesanan dan Kepelbagaian Sumber Komunikasi

Pengurusan KPSK telah berusaha meningkatkan komunikasi dua hala bagi tujuan penyebaran maklumat serta mendapatkan maklumbalas termasuk bidang tumpuan secara lebih inklusif kepada semua staf, pelajar dan semua pemegang taruh.

Selain itu, komunikasi secara bersemuka bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Sekretariat Mahasiswa (SMF) dan Pengurusan Kelab/Persatuan Dalaman KPSK telah diadakan pada setiap semester bagi membincangkan isu berkaitan bidang tumpuan dengan lebih telus.

Penggunaan aplikasi media sosial seperti telegram, Instagram dan whatapps turut telah dipraktikkan bagi menyebarkan maklumat dengan lebih pantas dan berkesan.

### 3. Memperkasakan Penglibatan Pelajar

Pengurusan KPSK telah memperkasakan penglibatan pelajar dalam bidang tumpuan melalui pelantikan wakil pelajar menganggotai Jawatankuasa Tabung Amanah Pelajar (TAP) KPSK yang telah diberikan akauntabiliti bagi meluluskan permohonan penganjuran dan peruntukan aktiviti pelajar.

Beberapa program juga telah ditugaskan sepenuhnya kepada para pelajar untuk dijayakan dengan pemantauan yang minimum dari Pengurusan KPSK antaranya:

- a. Kursus Pemerdayaan Organisasi Kepimpinan Mahasiswa
- b. *CCA E-Sport*
- c. Sinergi KPSK 2022
- d. *Hey Raya Hey Babe*

Kesemua program berkenaan telah dianjurkan dengan jayanya dengan memenuhi semua objektif yang ditetapkan.

### 4. Penetapan Bidang Tumpuan dalam Perancangan Strategik KPSK

Pengurusan KPSK telah mengambil langkah utama dengan menyenaraikan bidang tumpuan sebagai salah satu agenda utama untuk dicapai oleh KPSK melalui:

- a. Penetapan fokus bidang tumpuan melalui fokus *Quality Education Focus Area: Well Ballance Graduate* yang terkandung dalam CCA Operation Excellence dan telah dilancarkan sendiri oleh PNC KPSK pada 4 Feb 2022.

b. Pengurusan KPSK telah memetakan 10 PI berkaitan bidang tumpuan iaitu PI027, PI028, PI029, PI030, PI031, PI032, PI033, PI036, PI037 dan PI038 dengan sembilan (9) daripada 10 PI dan telah berjaya mencapai 100% sasaran seperti yang ditetapkan dalam perancangan CCA Strategik Planning 2022.

c. Menyenaraikan tiga (3) isu berkaitan bidang tumpuan dalam Daftar Risiko KPSK tahun 2022 bagi tujuan pemantauan risiko.

Pemantauan status pencapaian bidang tumpuan telah dilaporkan dan dipantau dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Kolej Pengajian (JEK) serta mesyuarat lain yang difikirkan sesuai pada waktu itu.

### **5. Perlantikan Tiga (3) Koordinator MASMED KPSK**

Bagi mencapai sasaran 10% graduan KPSK mampu bersaing di peringkat tempatan dan global sebagai usahawan, persetujuan khusus bersama PNC MASMED UiTM telah diperolehi untuk melantik tiga (3) Koordinator MASMED bagi mengerakkan/ memantau aktiviti keusahawanan di KPSK.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0082\\_K01\\_KB02\\_20231\\_Bukti 1.2.1.pdf](#)
2. [B0082\\_K01\\_KB02\\_20232\\_Bukti 1.2.2.pdf](#)
3. [B0082\\_K01\\_KB02\\_20233\\_Bukti 1.2.3.pdf](#)
4. [B0082\\_K01\\_KB02\\_20234\\_Bukti 1.2.4 a. dab b..pdf](#)
5. [B0082\\_K01\\_KB02\\_20235\\_Bukti 1.2.4 c.pdf](#)

### **1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Pengurusan KPSK telah mengadaptasikan beberapa langkah bagi melaksanakan dan menyebarkan bidang tumpuan seperti:

#### **1. Peningkatan Kebolehan dan Keterampilan Pelajar**

Pengurusan KPSK percaya para pelajar sebagai pemimpin negara pada masa hadapan perlu dimantapkan dengan pendedahan secara berterusan kepada ilmu pengurusan, kepimpinan, latihan dan melalui penyertaan dalam pertandingan di pelbagai peringkat antaranya:

- i. Kursus Pemerksaan Organisasi Kepimpinan (KPO) Mahasiswa Kolej Pengajian Seni Kreatif
- ii. *International Mask Festival (IMF)*
- iii. *ACP Championship Malaysia 2022*
- iv. *UiTM Degree Fashion Show 2022*
- v. *Global Network for Higher Music, Dance, and Performing Arts Education (GIOMUS) Camp*
- vi. Pertandingan *Grand Finals International Music Competition Malaysia 2022*
- vii. *Honor Talents 2022 Global Design Awards*
- viii. *11th International Pablo (Pau) Casals Choir Competition & Festival*
- ix. Festival Filem Anak Muda 2022

Sepanjang tahun 2022 sejumlah 196 aktiviti pelajar telah diadakan melibatkan program kepimpinan, pembangunan diri, kesukarelawan/SULAM dan sukan dan kebudayaan. Semua program terbabit telah mendapat sokongan padu dari pihak Pengurusan HEP dan Pusat Pengajian KPSK.

#### **2. Penyampaian Maklumat Pencapaian Bidang Tumpuan**

Pengurusan KPSK telah menyebarkan maklumat berkaitan penganjuran aktiviti, pencapaian, kejayaan, anugerah diterima oleh pelajar samada secara bersemuka mahupun melalui penggunaan media sosial/atas talian kepada semua staf, pelajar dan pemegang taruh antaranya:

- i. Sesi Bersama PNC KPSK
- ii. Laman sesawang rasmi KPSK
- iii. Laman sesawang HEP KPSK sebagai *stop centre* kepada pelajar
- iv. Aplikasi media sosial iaitu Facebook, Instagram, Twitter, CCAUiTM Youtube Channel
- v. Siaran media di Media Cetak dan Elektronik

Hebahan kejayaan penganjuran program dan pencapaian pelajar yang terlibat telah memberikan inspirasi kepada semua pelajar untuk terus mencapai lebih banyak kejayaan pada masa hadapan. Selain itu, persepsi masyarakat dapat dipertingkatkan untuk melihat potensi industri seni kreatif yang semakin luas.

#### **3. Penjalinan Program Bersama Industri dan Masyarakat**

Pengurusan KPSK juga telah giat menjalinkan hubungan yang erat bersama pihak industri, universiti, agensi kerajaan, NGO, badan profesional dan masyarakat melalui MoU yang melibatkan penganjuran program atau aktiviti bidang tumpuan. Usaha ini untuk mencapai strategi serampang dua (2) mata iaitu:



- i. Memberi peluang kepada para pelajar untuk mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari disamping mengasah aspek kepimpinan dan pembangunan diri pelajar.
- ii. Sebagai usaha mempromosi/memperkenalkan kebolehan pelajar KPSK kepada industri dan masyarakat dalam dan luar negara.

Sepanjang tahun 2022, Pengurusan KPSK telah berjaya menandatangani 32 dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) dan 1 Memorandum Perjanjian (MoA) bersama pemain utama dalam industri kreatif dan institusi pendidikan tinggi dalam mahupun luar negara.

#### **4. Menyemai Minda Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar**

Pengurusan KPSK melalui Koordinator Keusahawanan (MASMED) telah merangka dan menjalankan aktiviti bagi menyemai nilai keusahawanan dikalangan pelajar untuk mencapai sasaran 10% graduan yang mampu bersaing di peringkat tempatan dan global sebagai usahawan. Antara inisiatif dan aktiviti yang telah dilaksanakan:

- i. Penubuhan inkubator keusahawanan dan pengubalan garis panduan inkubator KPSK
- ii. Karnival keusahawanan antaranya Program *La Preneur* dan Program *Artprepreneur Event 2022*
- iii. Aktiviti jualan semasa aktiviti pelajar

Pengurusan KPSK juga telah mengambil tindakan pro-aktif dengan berjaya mendapat kelulusan khas Penolong Naib Canselor MASMED untuk bersetuju melantik tiga (3) Koordinator MASMED di KPSK bagi memacu bidang tumpuan di tiga (3) kampus KPSK.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_K01\\_KB03\\_20231\\_Bukti 1.3.1.pdf](#)
2. [B0082\\_K01\\_KB03\\_20232\\_Bukti 1.3.2.pdf](#)
3. [B0082\\_K01\\_KB03\\_20233\\_Bukti 1.3.3.pdf](#)
4. [B0082\\_K01\\_KB03\\_20234\\_Bukti 1.3.3.1.pdf](#)
5. [B0082\\_K01\\_KB03\\_20235\\_Bukti 1.3.1 b.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pengurusan kanan KPSK komited dalam memastikan pelaksanaan aktiviti pelajar KPSK memenuhi aspirasi dan pemetaan strategik yang telah digarapkan oleh KPSK bagi mendokong tema dan teras strategik GRU UiTM2025. KPSK melalui dokumen CCA Pengoperasian Kolej Pengajian Seni Kreatif yang telah disediakan pada tahun 2022, telah menetapkan fokus strategik HEP KPSK adalah Memperkukuhkan Kebolehpasaran Graduan.

Matlamat aktiviti pelajar KPSK bagi tahun 2022 adalah dipetakan kepada beberapa dokumen dan rujukan seperti berikut :

- i. Pelan Strategik UiTM GRU2025
- ii. Petunjuk Prestasi (Performance Indicator(PI) UiTM 2022
- iii. CCA Operation Excellence 2022
- iv. Resolusi Konvensyen Hala Tuju Kolej Pengajian Seni Kreatif

Dalam memastikan pelaksanaan inisiatif melibatkan aktiviti pengurusan dan pembangunan pelajar mengikut keperluan program dan universiti, pengurusan kanan melalui HEP KPSK melaksanakan pemantauan secara berkala ke atas penganjuran aktiviti pelajar KPSK.

Bagi tahun 2022, 196 aktiviti pelajar telah direkodkan dimana 189 aktiviti adalah melibatkan penganjuran bagi memenuhi keperluan aktiviti pengajian yang telah dipetakan dengan PI di bawah HEP. Empat (4) kategori program aktiviti pelajar adalah seperti berikut :

- i. Program Kepimpinan : 3
- ii. Program Pembangunan : 9
- iii. Program Kesukarelawanan / SULAM : 15
- iv. Program Sukan dan Kebudayaan : 2

Pemantauan pelaksanaan aktiviti HEP dilaksanakan melalui kaedah berikut :

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah Pengurusan Pelajar
- ii. Penghantaran laporan aktiviti
- iii. Perbincangan pengurusan HEP bersama Koordinator Bidang/Pensyarah Program atau Penasihat persatuan pelajar.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0082\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20231\\_Bukti 1.4.1 Resolusi CO.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## 1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Kanan KPSK sentiasa memastikan pelaksanaan aktiviti peringkat program dilaksanakan mengikut keperluan berdasarkan objektif dan Rol yang ditetapkan. Pelaksanaan sesuatu projek/program atau aktiviti melibatkan perbagai pihak dan pasti melibatkan risiko dalam penganjuran aktiviti berkaitan. Pihak pengurusan dan kepimpinan kanan KPSK akan menilai dan seterusnya bertindak ke atas risiko yang dikenalpasti.

Dalam urusan ini, pihak pengurusan akan berpandu kepada Panduan dan Dasar Pengurusan Risiko Universiti yang telah disediakan oleh pihak Unit Pengurusan Risiko (UPR) UiTM. Penilaian risiko dilaksanakan berdasarkan kepada kategori risiko, kebarangkalian dan tahap impak sesuatu risiko yang dihadapi. Secara umumnya terdapat enam (6) kategori risiko yang boleh dinilai iaitu Risiko Strategik, Risiko Kewangan, Risiko Perundangan, Risiko Reputasi, Risiko Operasi dan Risiko Projek Utama.

Berdasarkan kategori risiko berkenaan, penilaian risiko yang umumnya dikenalpasti adalah seperti berikut :

Risiko Operasi iaitu Risiko dalam pelaksanaan sesuatu aktiviti yang melibatkan pelajar dan pihak lain seperti isu keselamatan peserta.

Risiko Reputasi merujuk kepada Risiko yang dihadapi sekiranya aktiviti yang dianjurkan memberi implikasi kepada imej universiti. Contohnya risiko jika tiada kawalan penyertaan peserta luar/ individu/ industri yang tidak menyokong aspirasi universiti atau kerajaan.

Pihak pengurusan kanan dengan kerjasama Penyelaras Risiko KPSK telah mengenalpasti dan melaksanakan penilaian risiko khususnya bagi risiko melibatkan pelajar. Secara umumnya, pengurusan KPSK amat mengambil perhatian ke atas pembangunan dan kesejahteraan serta kebajikan pelajar bagi membolehkan pelajar lebih fokus sepanjang tempoh pengajian.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20231\\_Lampiran 1.4.2\\_Petikan Panduan Pengurusan Risiko.pdf](#)
2. [B0082\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20232\\_Lampiran 1.4.2\\_Daftar Risiko PTJ KPSK Jul 2022.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

### 1.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Dalam memastikan pelaksanaan program dan aktiviti pelajar memberi manfaat dan nilai kepada pencapaian KPSK secara keseluruhan, pihak kepimpinan kanan secara dasarnya amat mengambil perhatian ke atas prestasi dan pencapaian aktiviti yang dilaksanakan. Pengurusan Kanan komited dalam melaksanakan kaji semula ke atas aktiviti dan program yang dianjurkan. Tindakan penambahbaikan secara berterusan juga di peringkat Pejabat Hal Ehwal Pelajar bagi memastikan pelaksanaan aktiviti pelajar sentiasa memenuhi prosedur dan keperluan yang ditetapkan.

Pejabat Hal Ehwal Pelajar melaksanakan mesyuarat dan sesi perbincangan secara berkala Dekan HEP, Ketua HEP, pengurusan HEP dan wakil pelajar daripada MPP/ SMF atau persatuan pelajar. Perbincangan dan tindakan susulan berkaitan aktiviti pelajar juga sering dilaksanakan antara pengurusan HEP, Koordinator Bidang dan pensyarah bidang pengajian bagi memastikan aktiviti pelajar dilaksanakan mengikut kelulusan dan ketetapan penganjuran aktiviti.

Pengurusan kanan KPSK juga merujuk laporan serta analisa prestasi aktiviti yang dilaksanakan bagi memantau prestasi dan kualiti penganjuran aktiviti peringkat kolej. Laporan dan analisa prestasi dibincang dan dilapor dalam mesyuarat berikut :

- i. Mesyuarat Eksekutif Kolej Pengajian Seni Kreatif – 3 kali mesyuarat
- ii. Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah Pelajar KPSK – 8 kali mesyuarat

Tindakan Penambahbaikan prestasi aktiviti pelajar sentiasa dipantau dan diambil perhatian oleh pengurusan kanan dan pengurusan HEP KPSK. Bagi tahun 2022, bidang tumpuan dibawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar KPSK telah berjaya mencapai prestasi 100% pencapaian 8 PI dibawah HEP KPSK.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20231\\_bukti 1.4.3 PI Achievement FY2022.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## 1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan KPSK telah mengembleng usaha semua pihak yang berkepentingan bagi mencapai objektif dan inisiatif strategik bidang tumpuan.

### 1. Penglibatan Semua Peringkat

Usaha integrasi ini telah melibatkan secara kolektif semua warga di semua peringkat KPSK iaitu Pengurusan Kanan, pentadbir akademik, para pensyarah, staf pentadbiran, pimpinan pelajar, pihak industri dan masyarakat melalui peranan berbeza yang dimainkan bagi mencapai objektif dan inisiatif strategik bidang tumpuan.

### 2. Memperkayakan Program Berbudayakan 'Sinergi'

Pengurusan KPSK telah mengalakkan para pelajar untuk menjalankan program yang mempunyai elemen 'sinergi' samada dari segi penganjuran mahupun penyertaan yang melangkaui program pengajian dan kampus.

Ini berikutan penggabungan tiga (3) fakulti yang telah membentuk KPSK mengundang permasalahan baharu seperti penganjuran program, penyertaan pelajar, pemantauan dan penggunaan sumber yang terhad berikutan lokasi pelajar yang bertaburan di empat (4) kampus iaitu Shah Alam, Seksyen 17, Puncak Perdana dan Puncak Alam.

Sehubungan itu, penganjuran program pelajar secara 'sinergi' adalah merupakan 'jawapan' bagi mengatasi permasalahan yang dihadapi. Antara program yang telah menerapkan budaya 'sinergi' ini adalah:

- i. Program Kursus Pemeraksanaan Organisasi Kepimpinan Mahasiswa
- ii. Program Rewang Bubur Lambuk
- iii. *CCA E-Sport*
- iv. Sinergi KPSK 2022
- v. Animation Kingdom
- vi. Semarak Kemerdekaan KPSK
- vii. *Creative Festival* by Art Trivium
- viii. Program *Finishing School*
- ix. Sukan Antara Fakulti
- ix. Randai

Penubuhan KPSK juga telah menyebabkan perubahan kepada struktur kepimpinan pelajar yang melibatkan MPP dan Sekretariat MPP dari aspek bilangan keahlian dan perluasan kawasan perkhidmatan yang telah melangkaui sempadan kampus.

Sepanjang tahun 2022 juga telah memperlihatkan keberhasilan pimpinan pelajar mengekalkan keberkesanan penganjuran semua aktiviti pelajar yang telah menyokong bidang tumpuan.

### 3. Penambahbaikan Berterusan Perkhidmatan Menyokong Bidang Tumpuan

Dalam mendepani cabaran lokasi pelajar yang terbahagi kepada beberapa lokasi iaitu:

- i. Menara SAAS, Kampus UiTM Shah Alam
- ii. Kompleks Ilham, Kampus UiTM Shah Alam
- iii. Kampus UiTM Seksyen 17, Shah Alam
- iv. KPSK Kampus UiTM Puncak Perdana

- v. KPSK Kampus UiTM Puncak Alam
- vi. Blok A & B, Kampus UiTM Jalan Othman

Penyampaian perkhidmatan dan komunikasi berkesan bagi menyokong bidang tumpuan telah menjadi lebih kritikal. Sehubungan itu, pengurusan Hal Ehwal Pelajar telah menjalankan usaha berterusan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan bagi menyokong bidang tumpuan antaranya ialah:

- i. Menwujudkan laman web HEP sebagai onestop centre
- ii. Memperluaskan perkhidmatan secara atas talian
  - a. e-Laporan aktiviti
  - b. e-Kebajikan Pelajar
  - c. Permohonan Sijil Aktiviti HEP

Penyampaian perkhidmatan dan komunikasi secara atas talian ini telah membantu pengurusan HEP dalam menyampaikan perkhidmatan yang menyokong bidang tumpuan dengan lebih efektif dan berkesan.

**SENARAI BUKTI :**

- 1. [B0082\\_K01\\_KB05\\_20231\\_Bukti 1.5.1.pdf](#)
- 2. [B0082\\_K01\\_KB05\\_20232\\_Bukti 1.5.2.pdf](#)
- 3. [B0082\\_K01\\_KB05\\_20233\\_Bukti 1.5.3.pdf](#)
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) pada Februari 2022 telah memulakan operasinya dengan membentuk jawatankuasa pelaksana bagi menerajui kolej untuk mencapai Global Renowned University (GRU 2025). Perancangan yang digariskan oleh KPSK demi mencapai kecermelangan UiTM2025 menumpukan kepada 2 aspek yang penting iaitu Bidang Tumpuan dan Inisiatif Utama. Kecermelangan Global KPSK dilaksanakan dengan mendapatkan sokongan, memberi input kepada Design Industry & Creative Industry dan sumbangan ini akan memberi impak kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di Malaysia.

Selaras dengan perancangan strategik UiTM untuk menjadi Univeristi terkemuka Dunia, KPSK melalui bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) turut merancang strateginya berdasarkan 3 Teras Strategik UiTM iaitu Pendidikan Berkualiti, Kecermelangan Global dan Prestasi Berorientasikan Nilai. Bahagian Hal Ehwal Pelajar, merupakan nadi pengurusan pelajar bagi seluruh sistem universiti untuk menyempurnakan bidang tugas, tanggungjawab dan fungsinya selaras dengan peruntukan Akta 173 dan Akta 174 sejak tahun 1976 dan pindaan-pindaannya di bawah kawalan Naib Canselor UiTM.

Bahagian Hal Ehwal Pelajar adalah antara bahagian yang penting dalam membantu UiTM melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi dan berpersonaliti unggul untuk memenuhi keperluan global. Bagi mencapai pendidikan yang berkualiti, graduan yang seimbang dan bercirikan keusahawanan diterapkan melalui program dibawah pembelajaran dan pengajaran (PNP), serta aktiviti persatuan pelajar yang berdaftar dibawah HEP KPSK. Ini bagi memenuhi agenda memperkasakan pelajar seiring dengan Education 5.0@UiTM.

HEP KPSK sangat komited dalam memupuk nilai-nilai yang intrinsik kepada kecemerlangan, sinergi, integriti, dan menyemai minda keusahawanan dalam kalangan pelajar agar mereka untuk mencapai 90% Keboleherjaan Siswazah dengan matlamat khusus 10% yang mampu bersaing di peringkat tempatan dan global sebagai usahawan.

Tahun pertama penggabungan 3 Fakulti di dalam KPSK menggalakkan program yang bersifat sinergi di bawah 6 pusat pengajian yang memberikan impak yang tinggi dan pendedahan secara menyeluruh terus kepada pelanggan terutamanya pelajar, pensyarah, industri serta komuniti diperingkat kampus, kebangsaan dan antarabangsa. Bengkel perancangan strategik diadakan untuk menentukan arah tuju KPSK dalam menyokong GRU2025 dengan memastikan kesinambungan, kelestarian dan kecermelangan berterusan.

KPSK mendukung dan mempertahankan sebuah komuniti yang didasarkan pada nilai-nilai kreativiti, tempat di mana pendidikan liberal dan seni terintegrasi membentuk jati diri mahasiswa. Penawaran program sarjana di berbagai pusat pengajian ditawarkan, yang merangkumi Seni Visual, Teknologi Inovatif dalam Reka Bentuk, Musik, dan Seni Persembahan, semua bertujuan untuk memperkaya pengalaman akademik dan budaya.

Misi dan visi KPSK adalah untuk menyediakan mahasiswa dengan keterlibatan global sebagai praktis, pendidik, pencipta, dan penaung seni. KPSK mengembangkan perkembangan keterampilan profesional serta pertumbuhan intelektual yang diperlukan untuk mengejar penyelidikan kreatif dan ilmiah, sambil memperluas warisan seni dan merangkul budaya inovasi dan perubahan.

Melalui kekuatan transformasi seni, pusat pengajian dan program seni berfungsi untuk dunia yang terus berkembang dan beragam, menyediakan pengetahuan dan sumber daya bagi para pemegang taruh untuk terlibat dalam kerjaya mereka dan masyarakat sebagai seniman dan warganegara yang bergerak aktif.

## 2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Dalam era globalisasi dan perubahan yang pantas, perancangan strategik menjadi aspek penting bagi setiap organisasi untuk mencapai tujuan jangka panjang dan keunggulan kompetitif. Bagi memperkasa gabungan di dalam KPSK untuk terus berada di landasan perkembangan industri kreatif dan pendidikan negara, Objektif Strategik (OS) HEP KPSK ini mencerminkan tekad dalam menjalin kerjasama, menghadapi perubahan, dan memberikan impak positif kepada industri. Kerjasama semua pihak pengurusan tertinggi, warga kerja serta ahli organisasi HEP KPSK sangat mendukung aspirasi UiTM kearah GRU2025.

HEP KPSK\_ <https://kpsk.uitm.edu.my/index.php/student-affairs-staff>

Berikut adalah gambaran lebih mendalam mengenai objektif strategi (OS) KPSK usahakan; 1) menjalinkan kerjasama erat dengan rakan strategik di dalam dan di luar organisasi, 2) merancang kurikulum yang mementingkan keanekaragaman, mengintegrasikan teknologi, dan menghubungkan berbagai disiplin, sehingga melengkapi para pelajar dengan kemampuan menghadapi perubahan, 3) menstruktur aktiviti kurikulum (KPSK) dengan tujuan memperkenalkan format baharu yang mendorong kerjasama dan sinergi di antara berbagai aspek yang terlibat, 4) melalui program inovasi dengan berinteraksi dengan masyarakat baik di peringkat lokal, nasional, mahupun internasional, sehingga memperkuat hubungan antara institusi dan komuniti, 5) mengintegrasikan pembelajaran kolaboratif (Blended-Learning) dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) kesan dari Pandemik Covid19.

HEP KPSK telah mengambil langkah progresif dengan merancang dan melaksanakan inisiatif strategik yang unik dalam tiga bidang tumpuan utama, iaitu keusahawanan, SULAM, dan kepimpinan pelajar. Inisiatif-inisiatif ini tidak hanya memperkukuhkan identiti kolej, tetapi juga mempersiapkan pelajar untuk menghadapi tuntutan dunia profesional yang semakin kompleks.

Salah satu inisiatif yang dilaksanakan adalah pengintegrasian subjek keusahawanan ke dalam kurikulum utama melalui kursus yang ditawarkan. Dengan memahami bahawa kreativiti dapat menjadi aset berharga dalam dunia perniagaan, pelajar tidak hanya diajarkan tentang konsep asas perniagaan, tetapi juga didorong untuk mengembangkan idea-idea inovatif dan merancang aktiviti dalam konteks sebenar. Inisiatif ini membantu pelajar mengasah bakat kreatif mereka sambil mempersiapkan mereka untuk menjadi pemimpin dalam industri yang kompetitif. Program kesukarelawanan antarabangsa dan pembelajaran perkhidmatan, pemerkasaan Kesatuan Pelajar, Hab Keusahawanan, Dana Modal Teroka dan Program Pelajar Usahawan Tekno.

Selain itu, program SULAM juga menjadi inti dalam perencanaan strategi HEP KPSK seiring dengan semangat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam mengintegrasikan kaedah pembelajaran yang berfokus pada memberikan kesempatan kepada mahasiswa untuk menyumbang ilmu pengetahuan, keterampilan, dan kompetensi di bidang mereka, untuk mengatasi masalah dan isu dalam masyarakat setempat, di dalam mahupun di luar negara. Inisiatif ini menjadi bahagian penting bertujuan untuk menghasilkan graduan yang memiliki wawasan komprehensif, seimbang dengan minda keusahawanan.

Kursus yang mempunyai intipati SULAM didaftarkan dalam sistem SULAM UiTM sebelum ianya dilaksanakan. Semua pihak memainkan peranan bagi kepemimpinan pelajar dalam lingkungan pembelajaran dengan memberikan tanggungjawab dan kesempatan kepada pelajar untuk memimpin berbagai kegiatan melalui aktiviti kursus, kelab atau persatuan pelajar KPSK. Terdapat 20 persatuan pelajar yang berdaftar dengan HEP UiTM dan HEP KPSK mendorong pengembangan keterampilan kepemimpinan, komunikasi, dan kerjasama yang dianjurkan. Program-program ini tidak hanya membentuk individu yang berintegriti dan beretika tinggi, tetapi juga mempersiapkan mereka untuk mengambil peranan yang bermakna dalam masyarakat.



SENARAI PERSATUAN KPSK\_ <https://sites.google.com/view/hepkpsk/clubs-society>

Kesimpulannya, HEP KPSK sangat komited dengan inisiatif yang dirancang dan yang telah dilaksanakan dalam menyediakan graduan yang berkemahiran tinggi.

**SENARAI BUKTI:**

1. [B0082\\_P01\\_PB02\\_20231\\_KPSK HEP.pdf](#)
2. [B0082\\_P01\\_PB02\\_20232\\_3. SULAM\\_KPSK 2022\\_RANDAI.pdf](#)
3. [B0082\\_P01\\_PB02\\_20233\\_2. SENARAI PERSATUAN\\_KPSK.pdf](#)
4. [B0082\\_P01\\_PB02\\_20234\\_4. KURSUS SULAM\\_KPSK.pdf](#)
5. [B0082\\_P01\\_PB02\\_20235\\_KPO KPSK 2022.pdf](#)

## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi memastikan kelestarian UiTM dalam mencapai Global Renowned Universiti (GRU2025), unit Hal Ehwal Pelajar Kolej Pengajian Seni Kreatif menyahut seruan perancangan UiTM dalam mencapai graduan yang seimbang dan berciri keusahawanan untuk memperkukuhkan kebolehpasaran graduan di peringkat global amnya.

Hal ini selari dengan resolusi Kolej Pengajian Seni Kreatif yang beriltizam untuk menjadikan bidang kreatif sebagai tunjang kegemilangan UiTM di persada dunia dengan mengetengahkan 7 resolusi yang mampan iaitu,

1. Penganjuran Festival Seni sebanyak 2 kali setahun yang menggabungkan semua program akademik serta warga KPSK.
2. Mengangkat KPSK sebagai Kolej Diraja Seni Kreatif
3. Meluaskan ketampakan KPSK diperingkat Global dengan menubuhkan premis di lokaliti
4. Mewujudkan Kreatif Nusantara sebagai usaha mengantarabangsakan kandungan kreatif
5. Memperkasa bidang penerbitan dengan menterjemah karya seni kreatif dan aktiviti-aktiviti pertukaran seni kreatif negara luar yang mana setara dengan penerbitan dan penyelidikan
6. Mewujudkan kampus sehenti merentas bidang pengajian di KPSK
7. Menyediakan pangkalan data komprehensif bagi akademia, pentadbir dan alumni untuk mengukuhkan Succession Planning dan Future Leaders di KPSK

Pengurusan HEP KPSK juga telah memfokuskan kepada 3 inisiatif aspek utama tumpuan iaitu

- Kesukaralewanan di peringkat antarabangsa dan pelaksanaan aktiviti berbentuk perkhidmatan pembelajaran
- Pemerksaan persatuan pelajar
- Keusahawanan

### Kesukarelawanan

Menggalakkan kepelbagaian aktiviti dan program-program berbentuk knowledge-transfer diketengahkan antara para pelajar, komuniti dan industri.

### Pemerksaan Persatuan Pelajar

Sehingga kini dapat 23 persatuan pelajar telah didaftar di bawah Kolej Pengajian Seni Kreatif yang berbentuk khusus mahupun sinergi. Pemerksaan persatuan pelajar ini diketuai dengan Majlis Perwakilan Pelajar KPSK dan Sekretariat Mahasiswa Kolej Pengajian Seni Kreatif yang berbentuk sebagai organisasi pendukung utama untuk mengerakkan bersama pihak pengurusan KPSK. selain itu, penglibatan Majlis Perwakilan Pelajar didalam mesyuarat bersama pengurusan juga turut dilaksanakan dalam usaha memperkasakan suara mahasiswa untuk menyuarakan hasrat dan pandangan kepada pengurusan

### Keusahawanan

Pendedahan kepada keluasan dan peluang bidang keusahawaan dikembangkan melalui pengajian akademik serta pelaksanaan aktiviti dan program di bawah persatuan pelajar yang

didaftarkan di bawah HEP KPSK. Pihak HEP KPSK juga bekerjasama dengan pihak MASMED dalam merencanakan aktiviti berbentuk keusahawanan.

**SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_P01\\_PB03\\_20231\\_Resolusi CO.pdf](#)
2. [B0082\\_P01\\_PB03\\_20232\\_Surat HEP KPSK - Jemputan Mesyuarat Tabung Amanah Pelajar Bil 082023.pdf](#)
3. [B0082\\_P01\\_PB03\\_20233\\_Pelaporan Suku ke-2 Masmmed- KPSK 25 Julai 2023.pdf](#)
4. [B0082\\_P01\\_PB03\\_20234\\_KPO POSTER.pdf](#)
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Service Learning Malaysia-University for Society (SULAM) ialah satu kaedah pembelajaran yang memberi peluang kepada pelajar untuk menyumbang ilmu pengetahuan dan kemahiran ke arah menyelesaikan masalah atau isu dalam komuniti. Ia merupakan salah satu inisiatif pengajian tinggi di Malaysia bertujuan untuk melahirkan graduan yang holistik, seimbang, dan mempunyai minda keusahawanan.

Terdapat 11 subjek KPSK yang terlibat dalam program ini iaitu:

1. Teater Kanak-Kanak (FFT233)
2. Business Strategy For Arts Entrepreneur (FMA531)
3. Music Business Seminar iv (MUB656)
4. Music Supervision and Administration (MUE601)
5. Music Management and Supervision (MUE731)
6. Music Industry Management (MUB234)
7. Pengantar Penulisan Teori dan Praktis (FSC411)
8. Apparel Production Management (FES601)
9. Digital Strategies in Music Teaching (MUE613)
10. Music Education in Malaysia (MUE401)
11. Music Administration and Management (MUE601)

KPSK menyasarkan untuk melaksanakan empat projek SULAM iaitu:

1. Muzikas 2022 (Sing & Swing)-8 Julai 2022
2. Close Encounters With Pop Orchestra-16 Julai 2022
3. Muzikas Gateway
4. Unmasking Mah Meri

KPSK juga melaksanakan inkubator dalam meningkatkan keterlibatan pelajar dalam keusahawanan. Bengkel Penetapan Dasar Inkubator telah diadakan pada 25 dan 26 Julai 2022. Pelaksanaan IKKP ini bertujuan untuk memenuhi pencapaian indeks keusahawan di bawah pengurusan pengajian kolej. Ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dalam menghasilkan graduan bercirikan usahawan dalam menyokong atribut di bawah Lonjakan 1 iaitu graduan holistik, bercirikan keusahawanan dan seimbang. Ini sekaligus menjadi prinsip panduan dalam pembangunan usahawan pelajar KPSK yang mempunyai nilai daya saing yang tinggi dalam usaha meningkatkan pembangunan keusahawanan.

Pelajar yang berminat diberi pendedahan luas mengenai geran dan latihan yang dipraktikkan oleh Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (MASMED) UiTM. Melalui pendedahan ini, pelajar akan dapat menghasilkan inovasi yang dapat dikomersialkan sekaligus mendorong pertumbuhan syarikat pemula berasaskan seni kreatif. Pelajar juga dibimbing oleh penyelaras yang terdiri daripada pensyarah KPSK yang telah menerima sijil keusahawan yang

...dengan ini, kami sarankan pelajar yang berprestasi sebagai penerima hadiah dapat dihasilkan oleh KPSK. Dalam menjayakan program ini, kumpulan sasar bagi pelaksanaan IKKP ialah pelajar, ahli akademik Kolej Pengajian Seni Kreatif, alumni, industri dan pemegang taruh.

**SENARAI BUKTI:**

1. [B0082\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20231\\_AKTIVITI MASMED.pdf](#)
2. [B0082\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20232\\_PEMEGANG TARUH.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Projek SULAM yang dijalankan di KPSK boleh mendapat sambutan yang baik memandangkan kelebihan KPSK sebagai kolej yang menawarkan penumpuan kepada seni kreatif dalam pelaksanaan. Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dalam melaksanakan projek SULAM iaitu seperti kewangan, prosedur pelaksanaan, libatsama PTJ, kerjasama komuniti dan industri, dan kemahiran komunikasi.

Setiap projek akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dengan bantuan dana yang bersesuaian. Proses permohonan dan jumlah dana yang diperlukan perlu melalui proses kewangan UiTM. Dalam beberapa keadaan, sumber kewangan sukar diperolehi kerana berlaku kesilapan dalam proses memohon kewangan dan juga kekangan kewangan dalam melaksanakan program. Prosedur pelaksanaan akan melibatkan banyak pihak terutama sekali komuniti yang menjadi sasaran. Ini juga melibatkan gerak kerja dalam menjalankan program.

Ruang untuk melaksanakan program inkubator terhad kerana kebanyakan ruang telah digunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, spesifikasi ruang juga tidak bersesuaian dengan dengan program-program yang berkenaan. Perkara ini menyebabkan sebahagian program perlu ditangguhkan. Pendaftaran program start up juga akan menjadi lebih baik dengan adanya penglibatan dalam inkubator. Hal ini kerana, syarikat yang terlibat boleh menjadi mentor kepada kumpulan pelajar yang terlibat melalui perkongsian pengalaman dan juga melalui penghasilan pelbagai usahasama yang seterusnya menghasil usahawan muda yang berbakat.

Terdapat syarikat yang berpotensi membantu dalam melaksanakan program inkubator seperti Creativa, Mili Logistik Sdn. Bhd, dan Daitobest Sdn Bhd. Creativa merupakan syarikat perniagaan robotik dan syarikat tersebut mencadangkan untuk membuka satu ruang pejabat untuk membangunkan produk-produk inovasi yang telah mendapat geran Yayasan Inovasi. Program robotik ini juga dapat membantu dalam beberapa subjek contohnya kursus daripada program Art & Design. Oleh itu, ruang pejabat tersebut amat diperlukan oleh Creativita. Pelaksanaan program keusahawanan dalam Kolej Pengajian Seni Kreatif menghadapi cabaran dalam mendapatkan ruang dan juga keterlibatan daripada kumpulan pelajar yang berminat dan cabaran-cabaran ini perlu ditangani dengan baik.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20231\\_IPT student entrepreneurs during study \(aknc kpsk\).pdf](#)
2. [B0082\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20232\\_Companies, enterprises, or business projects \(aknc kpsk\).pdf](#)
3. [B0082\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20233\\_Collaborations with agencies, industry, NGOs, IPT \(aknc kpsk\).pdf](#)
4. [B0082\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20234\\_SESI TEMUBUAL BERSAMA HEP KPSK.pdf](#)
5. [B0082\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20235\\_LAPORAN AKHIR GEMPiTA 3.0.pdf](#)

### 2.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi memastikan objektif dan inisiatif dapat dilaksanakan dengan jaya, KPSK telah merangka pelan pemantauan yang sistematik. Melalui mesyuarat eksekutif, kesemua pelaksanaan aktiviti dilihat dan dipantau secara berkala. Penghantaran laporan akhir bagi setiap aktiviti yang telah dilaksanakan diperhalusi sebaiknya. Bengkel-bengkel perancangan strategik pejabat HEP KPSK turut diadakan dalam merangka objektif dan inisiatif program. KPSK juga melibatkan pelanggan dalam proses penambahbaikan, perancangan strategik iaitu pensyarah dan pelajar melalui kepelbagaian medium saluran maklum balas.

Antara medium yang disediakan oleh pihak HEP KPSK adalah maklumbalas program, Discord HEP, e-aduan korporat KPSK, dilaman sesawang HEP KPSK, taklimat, sesi engagement, kotak aduan dan media sosial rasmi (Facebook, Instagram, Discord, Tiktok). Disamping itu, penglibatan kepimpinan pelajar iaitu Majlis Perwakilan Pelajar KPSK dan Sekretariat Mahasiswa KPSK juga diperkasakan dimana mereka menjadi duta-duta kecil untuk perhubungan perantaraan bersama pengurusan dan pelajar secara terus.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20231\\_SESI TEMUBUAL BERSAMA HEP KPSK.pdf](#)
2. [B0082\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20232\\_DISCORD HEP KPSK.pdf](#)
3. [B0082\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20233\\_Surat HEP KPSK - Jemputan Mesyuarat Tabung Amanah Pelajar Bil 082023.pdf](#)
- 4.
- 5.

## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penerapan budaya sinergi KPSK diperluaskan dan diterap sesama warga KPSK yang mana menekankan elemen pelaksanaan program dan aktiviti berbentuk sinergi merentas pusat pengajian dan kampus-kampus. Penubuhan Kolej Pengajian Seni Kreatif yang berbentuk merentas kampus iaitu di KPSK Shah Alam, KPSK Puncak Perdana dan KPSK Puncak Alam dengan penglibatan 6 pusat pengajian membolehkan budaya sinergi KPSK dilaksanakan. Antara program tahunan yang dilaksanakan adalah SINERGI KPSK yang berbentuk perjumpaan secara menyeluruh bersama pelajar KPSK dari 3 kampus berbeza untuk sambutan umum sebagai contoh Sambutan Raya Aidilfitri.

Selaras dengan Perancangan Strategik di peringkat UiTM , KPSK juga melalui Objektif Strategi (OS) bertindak ke arah OS yang lebih jitu.

Walaupun masih baru, tahap pembudayaan yang terjadi setelah pelaksanaan atau perbaikan dari perancangan strategi, dan merupakan hasil dari pencapaian objektif yang ditetapkan. Proses implementasi juga dapat menghasilkan "pembudayaan" atau "budaya organisasi" yang baru atau diperbaharui. Ini terjadi ketika cara-cara baru atau yang ditingkatkan dalam melakukan pekerjaan, berkolaborasi, dan menghadapi halangan tertentu menjadi norma dan nilai-nilai yang dianut oleh anggota organisasi.

Dalam konteks ini, "pembudayaan" mengacu pada bagaimana praktik-praktik baru atau yang ditingkatkan menjadi integrasi dari cara organisasi beroperasi sehari-hari. Ini melibatkan pengenalan dan penerapan kebiasaan, nilai-nilai, dan norma baharu yang mendukung pencapaian tujuan strategi dan objektif yang ditetapkan.

Oleh itu, dalam kata-kata sederhana, tahap pembudayaan yang muncul setelah pelaksanaan perencanaan strategi adalah saat di mana praktik-praktik baru atau ditingkatkan menjadi bagian dari operasi organisasi dan menjadi sebahagian dari cara kerja yang lebih luas.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_P01\\_PB05\\_20231\\_POSTER-CCA-OPEN-DAY-2023.pdf](#)
2. [B0082\\_P01\\_PB05\\_20232\\_SINERGI KPSK 2022.pdf](#)
3. [B0082\\_P01\\_PB05\\_20233\\_KPO KPSK 2022.pdf](#)
4. [B0082\\_P01\\_PB05\\_20234\\_KPO POSTER.pdf](#)
- 5.



## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pelanggan Utama KPSK terbahagi kepada dua tumpuan fokus iaitu dalaman (Pelajar dan warga staf pentadbiran dan akademik) dan luar (Badan Professional, Industri (jalinan melalui Mou & MoA) dan komuniti seni kreatif. Kumpulan pelanggan ini dikenalpasti melalui tiga program yang bertemakan kesukarelawan, kepimpinan dan kerjaya.

#### Perancangan

Program melibatkan pelajar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang dijalankan dan dipetakan kepada Matlamat Pembangunan Kelestarian (SDG) secara fizikal mahupun di atas talian.

#### Perlaksanaan

Pelajar terlibat dengan Program Bubur Lambuk pada 22 April 2022 dan Program Sensory Play Bersama Murid-Murid Sekolah Pendidikan Khas Selangor pada 24 Mei 2022.

Program Sehari Mencating dan mewarna Batik Motif Bunga Tanjung PADAT - UiTM

Program Empowering Randai Through IPTA's Performing Arts melibatkan pelajar semester 4 Diploma Pengurusan Seni, Program Pengurusan Industri Kreatif, Pengajian Seni Liberal, KPSK melatih para pelajar untuk mengurus, mengendalikan serta merancang bagi program. Perlaksanaan program ini dapat memberi pengalaman kepada para pelajar dalam aspek perancangan, pengurusan, kepimpinan, kolaborasi secara praktikal.

Jabatan Seni Reka Logam Kontemporari (CMD), UiTM Shah Alam dan Milano Jewellery Sdn. Bhd, menganjurkan pertandingan barang kemas untuk semua pelajar Ijazah Sarjana Muda Seni Reka Logam Kontemporari, UiTM Shah Alam dan Diploma Seni Reka Logam Halus UiTM Kelantan iaitu Pertandingan Rekaan Barang Kemas Milano 2022 (MJDC 2022) di peringkat kebangsaan bagi menggalakkan pelajar memulakan kerjaya sebagai pereka muda telah mencapai PI036 keterlibatan pelajar yang terlibat dalam program industri kreatif. Pemantauan pula dijalankan pada setiap pelajar yang terpilih dan penambahbaikan adalah secara pemantauan secara berterusan.

#### PELANGGAN DALAMAN: PENSYARAH

##### Kesukarelawan

Keseluruhan program yang dilaksanakan oleh HEP KPSK akan melibatkan pensyarah (sebagai penasihat program), pelajar (sebagai ahli projek dibawah subjek kelas yang dikenalpasti) dan juga kerjasama dan usahasama industri serta komuniti.

##### Perlaksanaan

1. Interactive Upcycling Sewing Exhibition - 18hb Jun 2022
  2. Makan Minum Pelajar konservatori Muzik yang terlibat dengan Konvokesyen -9 & 10 Jun 2022
  3. Pameran Motif dan Rekacorak Tekstil-7 Julai 2022
- 
1. Program Kursus Pemerksaan Organisasi Kepimpinan Mahasiswa-16-18 Mac 2022
  2. Sinergy KPSK 2022-25 Mei 2022
  3. IDE Design Week 2022: Lets Talk Leadership in Conjunction With World Industrial Design Day 2022-24-27-30 Jun & 1 Julai 2022

1st International Start-Up League Competition 2023, anjuran Princess of Naradhiwas University (PNU) Narathiwat Thailand telah di adakan pada 27-29 November 2022 telah diiringi oleh 2 pensyarah kanan KPSK iaitu Ts Mastura Omar sebagai Penyelaras Projek Pertandingan dan Ts Wan Zamani Wan Zakaria sebagai Koordinator Keusahawanan.

#### Pemantauan

1. Pemantauan berkala (mengikut kesesuaian tempoh program) dijalankan dan disemak oleh Koordinator Bidang, dan disahkan oleh Ketua Pengajian dan pelaporan kepada HEP dan ICAN KPSK.
2. Hasil impak program juga dikongsikan secara berkala di sosial media rasmi KPSK (Discord @HEPCCA, Instagram @SM\_CCA, CCAUiTM) dan juga platform komunikasi dalaman KPSK dan UiTM (emel, whatsapp & telegram)

#### Penambahbaikan

1. Meningkatkan penglibatan pakar industri didalam penambahbaikan program akademik.
2. Meningkatkan jaringan industri, masyarakat dan alumni

#### PELANGGAN LUARAN: INDUSTRI

##### Perancangan

Menandatangani perjanjian MoU/MoA pada peringkat kebangsaan dan nasional. Jumlah keseluruhan perjanjian MoU/MoA adalah sebanyak 31 (24 syarikat, 5 institusi pengajian antarabangsa, dan 2 badan professional) bagi tahun 2022.

### 3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kategori pelanggan untuk pengurusan dan pembangunan pelajar Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) yang terlibat adalah pelanggan dalaman dan pelanggan luaran. Terdapat pelbagai program dan aktiviti yang melibatkan kumpulan sasaran pelanggan dalam pelbagai kategori di Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) UiTM Shah Alam. Merujuk kepada jadual 3.2.1 kategori pelanggan dalam bidang pengurusan dan pembangunan pelajar KPSK adalah pelbagai pihak, termasuk pelajar, pensyarah, industri dan komuniti. Dalam aktiviti kesukarelawanan, pihak pengurusan dan pembangunan pelajar KPSK menggalakkan para pelajar KPSK turut aktif mengambil bahagian sebagai pelanggan utama dan juga pelanggan. Dalam aktiviti kesukarelawanan, Pelajar KPSK, sebagai pelanggan dalaman, terlibat secara langsung dalam usaha-usaha sukarela untuk meningkatkan pengalaman akademik dan sosial seperti dalam program Bubur Lambuk, program *Sensory Play* bersama murid-murid Sekolah Pendidikan Khas Selangor dan program Sehari Mencating dan Mewarna Batik Motif Bunga Tanjung.

Dalam aktiviti kepimpinan seperti program Empowering Randai Through IPTA's Performing Arts pihak pengurusan dan pembangunan pelajar KPSK melibatkan pelajar semester 4 Diploma Pengurusan Seni, Program Pengurusan Industri Kreatif, Pengajian Seni Liberal, KPSK telah melatih para pelajar untuk merancang, mengurus, serta mengendalikan program dengan jayanya. Pelaksanaan program ini dapat memberi pengalaman kepada para pelajar dalam aspek perancangan, pengurusan, kepimpinan dan kolaborasi secara praktikal. Jadual 3.2.2 menunjukkan aktiviti pelanggan dalam bidang pengurusan dan pembangunan pelajar KPSK.

Dalam aktiviti kerjaya, pemegang taruh yang termasuk dalam pelanggan dalaman terdiri daripada wakil-wakil dari UiTM, serta pensyarah pengiring yang berperanan penting dalam menguruskan pelanggan utama iaitu pelajar untuk mencapai matlamat kerjaya mereka. Pelibatan pelajar dalam aktiviti berkaitan kerjaya turut mencerminkan komitmen KPSK dalam mempersiapkan pelajar untuk dunia industri kreatif. Dalam kerjasama antara Jabatan Seni Reka Logam Kontemporari (CMD), UiTM Shah Alam dan Milano Jewellery Sdn. Bhd., pelajar dari Diploma Seni Reka Logam Halus UiTM Kelantan dan Ijazah Sarjana Muda Seni Reka Logam Kontemporari, UiTM Shah Alam turut terlibat dalam Pertandingan Rekaan Barang Kemas Milano 2022 (MJDC 2022). Aktiviti ini memberikan pelajar peluang praktikal dalam industri dan menggalakkan mereka untuk melangkah ke dunia profesional sebagai pereka muda.

Secara keseluruhan, penglibatan pelajar dalam program dan aktiviti tersebut menunjukkan komitmen mereka terhadap perkembangan sosial, kepimpinan, dan profesionalisma dalam industri seni kreatif. Melalui pelbagai aktiviti yang mencakup kesukarelawanan, kepimpinan, dan kerjaya, pelajar KPSK UiTM Shah Alam mendapat peluang praktikal dan pengalaman berharga yang akan membentuk kemahiran dan nilai-nilai mereka di dalam dan di luar dunia seni.

Selain dari pelanggan dalaman, KPSK juga berinteraksi dengan pelbagai pelanggan luaran yang memainkan peranan penting dalam pengurusan dan pembangunan pelajar. Dalam aktiviti kesukarelawanan, alumni KPSK, masyarakat tempatan, dan komuniti sebagai pelanggan luaran terlibat dalam aktiviti yang memberikan impak yang positif kepada perkembangan pelajar dan pembangunan masyarakat. Pelanggan luaran termasuk penaja pelajar, Kementerian Pengajian Tinggi, dan agensi kerajaan, yang turut menyokong dan memberikan panduan dalam aktiviti kepimpinan dan pengurusan pelajar KPSK secara langsung mahupun tidak. Industri, serta ibu bapa atau penjaga pelajar, yang merupakan pelanggan luaran yang mempengaruhi hala tuju

keajaiban peragaan keteknikan mereka membawa membentangkan jawatan antara dunia perancangan dan dunia profesional yang lebih luas.

**SENARAI BUKTI:**

1. [B0082\\_T01\\_TB02\\_20231\\_Jadual 3.2.1 Kategori Pelanggan.pdf](#)
2. [B0082\\_T01\\_TB02\\_20232\\_Jadual 3.2.2 Aktiviti Pelanggan.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

### 3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Keseluruhan program yang dilaksanakan oleh HEP KPSK melibatkan pensyarah (sebagai penasihat program), pelajar (sebagai ahli projek dibawah subjek kelas yang dikenalpasti) dan juga kerjasama dan usahasama industri serta komuniti. Pihak HEP mempunyai inisiatif untuk mengumpul data setiap pelanggan yang terlibat melalui kertas kerja dan permohonan setiap program yang dijalankan. Melalui Google site laman web HEP, KPSK, telah disalurkan maklumat senarai program-program yang telah diadakan, pencapaian dan juga maklumat berkenaan penjadualan program yang bakal dilaksanakan.

Program melibatkan pelajar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang dijalankan dan dipetakan kepada Matlamat Pembangunan Kelestarian (SDG) secara fizikal mahupun di atas talian.

Melalui Jabatan Seni Reka Logam Kontemporari (CMD), UiTM Shah Alam dan Milano Jewellery Sdn. Bhd, menganjurkan pertandingan barang kemas untuk semua pelajar Ijazah Sarjana Muda Seni Reka Logam Kontemporari, UiTM Shah Alam dan Diploma Seni Reka Logam Halus UiTM Kelantan iaitu Pertandingan Rekaan Barang Kemas Milano 2022 (MJDC 2022) di peringkat kebangsaan bagi menggalakkan pelajar memulakan kerjaya sebagai pereka muda telah mencapai PI036 keterlibatan pelajar yang terlibat dalam program industri kreatif. Kumpulan sasaran yang terlibat adalah Penyelia yang dipilih, pensyarah dan pelajar yang terlibat.

Selain itu merujuk kepada program, 1st International Start-Up League Competition 2023, anjuran Princess of Naradhiwas University (PNU) Narathiwat Thailand telah di adakan pada 27-29 November 2022, di dapati program ini telah diiringi oleh 2 pensyarah kanan KPSK yang bertindak sebagai Penyelaras Projek Pertandingan dan Koordinator Keusahawanan.

KPSK mempunyai pelbagai kaedah untuk memenuhi keperluan program yang bertemakan kesukarelawan, kepimpinan dan kerjaya. Pendekatan ini digunakan oleh pihak pengurusan KPSK bagi mendapatkan maklumbalas secara formal dan tidak formal.

#### 1. e- Aduan

Sistem ini membolehkan pelajar dan pihak berkepentingan mengutarakan secara langsung segala permasalahan, pujian, pandangan dan cadangan. Sistem ini dipantau oleh bahagian korporat membantu mengenalpasti kehendak dan keperluan pelanggan.

#### 2. Soal Selidik Persepsi Pelajar Terhadap Sistem Pengurusan Kualiti

Ia memerlukan soal selidik kepada pensyarah dan pelajar untuk penambahbaikan sistem pengurusan kualiti. Pihak pengurusan KPSK memandang serius terhadap aktiviti yang dapat mempertingkatkan pembangunan pelajar dan pensyarah. Bagi tujuan pemantauan, para pelajar adalah dikehendaki menyediakan laporan terperinci setelah aktiviti dijalankan. Tindakan ini bagi memastikan pelajar mendapat manfaat dari aktiviti yang dijalankan.

**SENARAI BUKTI :**

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pelajar diberi pendedahan untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti peringkat pengajian, Kolej pengajian dan juga universiti bagi melatih para pelajar untuk mengurus, mengendalikan serta merancang pelaksanaan program agar dapat memberi pengalaman kepada para pelajar dalam aspek perancangan, pengurusan, kepimpinan, kolaborasi secara praktikal. Melalui pelaksanaan bertemakan ketiga-tiga elemen ini, setiap aktiviti yang dijalankan bukan sahaja menjadi manfaat kepada pelajar-pelajar malahan kepada semua pelanggan dan juga sumbangan kepada komuniti.

Setelah menjalankan pelbagai pelbagai projek, hasil daripada projek/aktiviti yang dijalankan menunjukkan kebaikan dan ganjaran yang diperolehi kumpulan sasar dari pelanggan dalaman dan luaran.

Pemantauan program boleh dilihat melalui Borang Penilaian Aktiviti Pelajar.

Pelbagai kaedah senarai kehadiran, keperluan setiap pelanggan di dalam boleh diukur melalui maklum balas pelanggan (Aduan pelanggan), Data happiness Index sekiranya ada, sesi post mortem bagi setiap program yang telah dijalankan dan Laporan program (Borang Penilaian Aktiviti Pelajar; Borang Pelaporan Impak)

Pemantauan dan penambahbaikan yang berkesan boleh diukur melalui pelaporan setiap program yang dijalankan. Hasil impak program juga dikongsikan secara berkala di sosial media rasmi KPSK (Discord @HEPCCA, Instagram @SM\_CCA, CCAUiTM) dan juga platform komunikasi dalaman KPSK dan UiTM (emel, whatsapp & telegram).

Pengurusan HEP, KPSK, sentiasa proaktif dan supaya kehendak pelanggan dapat ditingkatkan melalui program yang dijalankan. Setiap projek memerlukan proses pemantauan berkala dan berkesan bagi memastikan program berjalan dengan lancar. HEP, KPSK akan memantau pelan perancangan yang sedia mengikut objektif yang telah ditetapkan bagi setiap program. HEP, KPSK juga turut memantau laporan maklum balas setiap program.

Berdasarkan laporan maklum balas program Pertandingan Rekaan Kemas MILANO Jewellery Design Competition 2022, perjalanan program ini berjalan dengan lancar dan telah mencapai objektif program iaitu di antaranya memupuk semangat kepada pelajar untuk yakin dalam mereka bentuk barang kemas kepada umum. Selain itu, dapat mengeratkan hubungan erat dan baik di antara pelajar, alumni, industri dan masyarakat. Melalui program ini dapat dilihat prestasi pelajar amat cemerlang kerana semangat pelajar sangat baik dan yakin menyertai pertandingan rekaan barang kemas dan dapat menghasilkan idea-idea kreatif dalam berkongsi hasil rekaan kepada masyarakat.

### **SENARAI BUKTI:**

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Risiko merupakan salah satu kaedah pemantapan tadbir urus dan kawalan dalam UiTM. Pengurusan risiko yang cekap adalah penting bagi memastikan segala risiko yang menghalang pencapaian matlamat universiti dapat ditangani dengan berkesan. Oleh sebab ini, proses pelaksanaan akan dinasihati oleh pihak kepimpinan KPSK dan perlu melalui jawatankuasa risiko KPSK dan seterusnya hasil laporan akan dihantar terus ke Unit Pengurusan Risiko (UPR) UiTM untuk mendapatkan pengesahan penilaian risiko.

Risiko yang dikenalpasti bakal menghalang penglibatan pelajar, pensyarah dan industri

1. Ketidakhadiran pelajar kerana terbeban dengan tugas/ aktiviti kelas/kuliah
2. Tidak mendapat kerjasama di antara pelajar dan pensyarah
3. Tidak mendapat kerjasama dengan pihak industri
4. Kesukaran untuk mencapai KPI yang ditetapkan
5. Kegagalan melakukan penambahbaikan
6. Keselamatan aktiviti dan kesihatan
7. Pelajar dan pensyarah yang mendapat tindakan tatatertib dan disiplin
8. Sumber kewangan yang terhad.

Bagi mengatasi halangan yang dikenal pasti untuk penglibatan pelajar, pensyarah dan industri. KPSK telah mengambil inisiatif untuk menangani risiko yang bakal berlaku.

1. Perlu menyediakan perancangan tugas yang sistematik dimana ianya bertindak sebagai perancangan strategik dan isu yang dihadapi pada tahun-tahun yang terlibat. Memastikan pelajar mendapat maklumat tindakan awal memandangkan tempoh perancangan awal.
2. Ketua projek perlu menyediakan kertas kerja yang menjelaskan tujuan, objektif program serta anggaran perbelanjaan yang diperlukan dalam melaksanakan program tersebut.
3. Mengadakan mesyuarat dan perbincangan di antara pelajar dan pensyarah
4. Mengadakan kolaborasi dan jaringan industri dengan pihak industri
5. Program ini juga boleh berfungsi untuk penambahbaikan staf akademik, pelajar, dan industri.
6. Pemantauan yang lebih jitu perlu dibuat melalui pembentangan mesyuarat jabatan
7. Pelajar, pensyarah dan industri yang berkaitan perlu berhati-hati semasa mengendalikan aktiviti yang dijalankan.
8. E - Calendar turut disediakan dimana ianya mengandungi maklumat yang lebih terperinci mengenai aktiviti yang telah dirancang.
9. Inisiatif melalui tajaan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan, melalui hubungan baik antara KPSK dan organisasi kerajaan dan swasta.

Secara keseluruhannya, pembabitan pelajar, pensyarah dan industri dalam aktiviti-aktiviti KPSK sepanjang tahun dilihat sebagai memberi manfaat yang besar kepada mereka tetapi ianya juga melibatkan risiko yang perlu ditangani bagi memastikan matlamat tercapai.

### **SENARAI BUKTI :**



1. [B0082\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20231\\_2020panduanpengurusanrisiko.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### **3.4.3 MENGENALPASTI KEPUASAN HATI PELANGGAN MELALUI MAKLUM BALAS (ACT)**

HEP, KPSK memastikan setiap program projek yang dijalankan memberi ganjaran dan manfaat kepada semua pelanggan dan mencapai objektif serta matlamat program. HEP, KPSK mengenalpasti kepuasan hati pelanggan melalui maklumat yang diperolehi secara langsung atau tidak langsung. Kepuasan hati pelanggan dapat dikenal pasti melalui usaha mengenal pasti kepuasan hati pelanggan ini dibuat dan di analisa dari masa ke semasa.

Setiap laporan maklum balas program dan data, maklumbalas serta aduan yang dikumpul bagi memastikan permasalahan dan isu dapat dikenalpasti dan tindakan penambahbaikan dapat dijalankan bagi memastikan perancangan program di masa akan datang berjalan dengan lancar dan segala isu dapat diselesaikan.

Melalui tiga hasil utama projek yang telah dilaksanakan adalah program/ aktiviti 1st International Start-Up League Competition (2022), anjuran Princess of Naradhiwas University (PNU) Narathiwat Thailand (2022), projek penilaian akhir pelajar (FYP) iaitu persembahan teater tradisional bertajuk Empowering Randai through IPTA'S Performing Arts (2022) anjuran Pengajian Liberal, KPSK Puncak Perdana dan pertandingan merekacipta barang kemas iaitu 3) Milano Jewellery Design Competition (2022), dapat dirumuskan bahawa setiap program mempunyai data maklum balas yang dikumpul untuk menilai keberkesanan program yang dijalankan.

Merujuk 1st International Start-Up League Competition (2022), anjuran Princess of Naradhiwas University (PNU) Narathiwat Thailand (2022), melalui laporan penutup aktiviti pelajar, salah satu hasil daripada aktiviti yang dijalankan dapat dikaji bahawa program ini membuka peluang kepada pelajar untuk membina kepakaran serta membuat perancangan inovatif keusahawanan yang disertai di luar negara. Program yang dijalankan melebihi sasaran pelajar yang terlibat dan mendapat sambutan. Hasil daripada penilaian menyeluruh, pihak pengurusan akan usaha memberi peluang program seumpama ini kepada pelajar-pelajar KPSK dari pengajian yang lain untuk menyertai pertandingan di luar negara.

Pelaksanaan program ini dapat memberi pengalaman kepada para pelajar dalam aspek perancangan, pengurusan, kepimpinan, kolaborasi secara praktikal. Namun pihak pengurusan KPSK akan mengkaji maklum balas penilaian program dimana maklum balas yang diterima daripada penasihat/ pegawai pengirig menyatakan untuk menyediakan ruang kelengkapan yang lengkap bagi pengurusan program akan datang.

#### **SENARAI BUKTI :**

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### 3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

HEP KPSK menitikberatkan **komunikasi dua hala** di antara pengurusan HEP kolej bersama pemegang taruh dalaman dan luaran, terutamanya dalam era di mana teknologi dan inovasi memainkan peranan penting dalam setiap aspek kehidupan kita. Era ini menuntut respons yang pantas, fleksibel, dan inovatif terhadap keperluan yang sentiasa berubah-ubah.

Dalam usaha untuk memenuhi keperluan masa kini, HEP KPSK telah memperkenalkan beberapa inovasi penting. **(1) Pengenalan platform Discord @HEPCCA** dan **(2) Instagram @SM\_CCA** adalah contoh terbaik bagaimana teknologi dan inovasi telah diintegrasikan ke dalam sistem pengurusan kolej. Kedua-dua platform ini bukan sahaja melambangkan kemajuan teknologi, tetapi juga memudahkan interaksi antara pelajar dan komuniti seni kreatif. Ini memastikan aliran maklumat yang cepat, telus, dan langsung kepada semua pihak berkepentingan.

Tetapi inovasi HEP KPSK tidak terhad kepada dua platform ini sahaja. Satu **laman sesawang (3) onestopcentre HEP** telah diwujudkan di <https://sites.google.com/view/hepkpsk/>, satu pusat sumber digital secara virtual (atas talian) di mana warga kolej boleh memuat-turun dokumen yang diperlukan. Laman sesawang ini juga mempunyai carta alir yang memudahkan perancangan dan pengurusan aktiviti. Ini mencerminkan komitmen kepada efisiensi dan kemudahan akses, dua prinsip utama dalam era digital masa kini.

Inisiatif-inisiatif ini menggambarkan bagaimana HEP KPSK telah berjaya mengadaptasi teknologi terkini, menjadikan **proses komunikasi lebih efisien dan responsif**. Ini adalah langkah penting dalam memperkasakan kecemerlangan dalam pendidikan dan pengurusan kolej. Penggunaan teknologi yang canggih bukan sahaja mempercepatkan proses, tetapi juga menjadikan maklumat lebih mudah diakses oleh semua pihak. Ini mencerminkan kefahaman HEP KPSK yang mendalam tentang bagaimana teknologi dapat digunakan untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran.

Dalam konteks yang lebih luas, penekanan HEP KPSK pada teknologi dan inovasi adalah sebahagian daripada usaha yang lebih besar untuk memastikan pendidikan dan pengurusan kolej adalah selaras dengan kehendak zaman. Era digital telah membawa pelbagai cabaran dan peluang, dan hanya institusi yang dapat beradaptasi dan berinovasi yang akan berjaya dalam persekitaran yang kompetitif ini.

HEP KPSK telah menunjukkan bahawa dengan pendekatan yang tepat, teknologi dan inovasi boleh diintegrasikan dengan cara yang bermakna dan berkesan. Dengan memahami keperluan dan kehendak pelajar, dan dengan menggunakan pendekatan yang sesuai, HEP KPSK telah menetapkan standard baru dalam pendidikan dan pengurusan kolej.

Kesimpulannya, inovasi teknologi yang telah diperkenalkan oleh HEP KPSK adalah contoh bagaimana teknologi dapat digunakan untuk meningkatkan komunikasi dan efisiensi dalam pendidikan. Melalui penerapan teknologi yang canggih dan inovatif, HEP KPSK telah menunjukkan visi dan kepimpinan yang diperlukan untuk berjaya dalam abad ke-21. Inisiatif-inisiatif ini tidak sahaja membuktikan kemampuan HEP KPSK untuk beradaptasi dengan perubahan, tetapi juga komitmen yang kukuh terhadap peningkatan kualiti pendidikan dan pengalaman pelajar.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_T01\\_TB05\\_20231\\_Platform Discord @HEPCCA.pdf](#)
2. [B0082\\_T01\\_TB05\\_20232\\_Instagram HEP KPSK.pdf](#)
3. [B0082\\_T01\\_TB05\\_20233\\_Laman Sesawang HEP KPSK.pdf](#)
- 4.

2.

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pihak Hal Ehwal Pelajar KPSK (HEP KPSK) telah merancang dan memantau proses pengukuran serta analisis setiap aktiviti yang berkaitan pelajar bagi mencapai objektif bidang tumpuan. Penambahbaikan sistem akan dilaksanakan dari masa ke semasa bagi memperkasakan Pemetaan Strategik HEP KPSK 2022 yang bertujuan melahirkan graduan seimbang dan bercirikan keusahawanan bagi memperkukuhkan kebolehpasaran graduan. Peranan pengukuhan aktiviti yang menjuruskan kemahiran insaniah ini bermula dari fasa awal, iaitu menerusi semakan secara bersistematik bagi menilai setiap permohonan aktiviti pelajar. Permohonan akan diukur melalui semakan PI yang dinyatakan oleh pemohon bagi memastikan setiap aktiviti mencapai PI HEP.

Seiring dengan resolusi yang digariskan pada Konvensyen Hala Tuju Kolej Pengajian Seni Kreatif 2022 yang beriltizam memperkasakan program seni melalui pengukuhan pakatan strategik pusat pengajian yang berada di bawah payung KPSK, HEP KPSK komited menyalurkan sokongan bagi program kolaborasi dan sinergi antara bidang pengajian, iaitu Pengajian Seni Persembahan, Pengajian Seni Digital dan Imejan, Pengajian Seni Reka, Pengajian Seni Halus, Pengajian Konservatori Muzik, dan Pengajian Seni Liberal. Maka, tercetuslah program-program berimpak tinggi seperti program Empowering Randai Through IPTA'S Performing Arts, Program Milano Jewellery Design Competition 2022 (MJDC 2022), dan Forum Permainan Sarawak. Program-program yang membawa agenda kelestarian keusahawanan di universiti seperti Artprepreneur Event 2022 dan La Preneur 2022 turut sama didukung bagi memupuk dan melahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan pelajar dan graduan.

Kesinambungan daripada pasca pelaksanaan program di KPSK, satu mekanisme semak dan imbang dilakukan bagi memastikan keberkesanan, ketelusan dan akauntabiliti keseluruhan perjalanan program. Pengumpulan data bagi mengukur dan menganalisis keberkesanan program dilakukan secara bersistematik melalui penghantaran pelaporan penuh selepas aktiviti dijalankan. Borang pelaporan boleh diakses mudah melalui laman sesawang HEP KPSK.

Semakan pelaporan ini dapat membantu bahagian HEP mengenal pasti strategi penambahbaikan bagi program akan datang.

## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelbagai instrumen ukuran digunakan untuk mengukur pencapaian HEP KPSK bagi memastikan pemeraksanaan pembangunan pelajar terjamin. Oleh yang demikian, HEP KPSK telah menetapkan KPI yang bersesuaian bagi mengukur pencapaian pengurusan dan pembangunan intelektual, kepimpinan, rohani dan kebajikan hasil daripada program yang dilaksanakan. Proses pemantauan item ukuran KPI ini bermula daripada fasa permohonan aktiviti pelajar, iaitu melalui semakan awal Kertas Kerja Pengendalian Program / Aktiviti Pelajar pada bahagian Senarai PI Unit Hep KPSK. Setiap permohonan diteliti secara sistematik mengikut prosedur analisa data oleh pegawai bertanggungjawab yang terdiri daripada Ketua Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar, Ketua Kesejahteraan dan Kebajikan Pelajar serta Penolong Pendaftar bagi memastikan setiap aktiviti yang dirancang mengikut kriteria PI yang ditetapkan. Koordinator Masmmed yang berada di bawah tadbir urus HEP KPSK pula akan membuat pengumpulan PI secara berkala bagi memastikan objektif tumpuan untuk melahirkan graduan seimbang dan bercirikan keusahawanan tercapai.

Disamping itu, aktiviti pelajar yang dirangka turut mengambil kira kepentingan memenuhi keperluan tugas kursus pelajar, maka pengukuran pencapaian prestasi ini turut diukur melalui pemarkahan mengikut rubrik oleh pensyarah kursus. Pengumpulan data bagi menganalisis keberkesanan program turut dilakukan secara bersistematik, iaitu melalui penghantaran pelaporan selepas aktiviti dijalankan. Segala aktiviti yang dilakukan akan disertakan dengan laporan penuh kepada pihak HEP KPSK melalui email. Pelaporan ini perlu melampirkan bersama Borang Penilaian Aktiviti Pelajar yang diisi oleh Jawatankuasa Program dan juga peserta bagi pihak HEP KPSK mendapat maklumbalas mengenai keberkesanan program, pencapaian kepimpinan dan kualiti softskill pelajar.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0082\\_A01\\_AB02\\_20231\\_PI HEP KPSK.pdf](#)
2. [B0082\\_A01\\_AB02\\_20232\\_PI MASMED KPSK.pdf](#)
3. [B0082\\_A01\\_AB02\\_20233\\_borang L1-Borang Penilaian Aktiviti Pelajar.pdf](#)
4. [B0082\\_A01\\_AB02\\_20234\\_L2\\_Borang Laporan Penutup \(1\).pdf](#)
5. [B0082\\_A01\\_AB02\\_20235\\_Lampiran 2-Borang Pelaporan Impak ICAN.pdf](#)

### **4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Kerjasama dan penglibatan pelbagai pihak adalah diperlukan untuk memastikan pencapaian HEP KPSK memenuhi standard dan kriteria yang dikehendaki. Penilaian pencapaian dibuat berasaskan jumlah aktiviti pelajar yang dijalankan berpandukan PI dan rubrik yang telah ditetapkan. Antara kriteria yang penting ialah aktiviti yang dirancang harus menyumbang kepada nilai tambah pelajar (antaranya dalam bidang kepimpinan dan pembangunan pelajar), dan yang mampu menyemai sifat keusahawanan dalam kalangan graduan. Selain itu, program juga haruslah melibatkan penyertaan dari peringkat universiti, kebangsaan hinggalah peringkat antarabangsa. Melalui penetapan garis panduan ini, aktiviti dan program yang bakal dilaksanakan akan lebih terancang dan tumpuan lebih diberikan terhadap program yang lebih kondusif dan holistik kepada pembangunan pelajar.

Oleh itu, adalah penting untuk penilaian dan pemerhatian berkala dilakukan terhadap program-program yang telah dilaksanakan. Dengan memanfaatkan data-data yang diperoleh daripada laporan penuh setiap program dan aktiviti, laporan berkala HEP setiap suku tahun, laporan statistik pelaksanaan program aktiviti pelajar KPSK dan juga melalui liputan media massa dan juga hebahan melalui medium komunikasi digital, pencapaian aktiviti dan program dapat dinilai dengan terperinci. Keberkesanan program dan aktiviti akan dinilai melalui pemberatan yang ditetapkan antaranya ialah penglibatan pelajar, pencapaian aktiviti dan jumlah program yang berjaya dilaksanakan. Melalui penilaian tersebut, keberhasilan dan keberkesanan program yang dilaksanakan boleh dikenalpasti. Ini akan membolehkan penambahbaikan strategi, perancangan dan pelaksanaan untuk mencapai hasil yang lebih baik di masa depan dalam mencapai visi dan misi HEP KPSK.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_A01\\_AB03\\_20231\\_Minit Mesyuarat JK TAP Bil 01 2022\\_23 Jun 2022.pdf](#)
2. [B0082\\_A01\\_AB03\\_20232\\_Minit Mesyuarat JK TAP Bil 02 2022\\_06 Julai 2022.pdf](#)
3. [B0082\\_A01\\_AB03\\_20233\\_Minit Mesyuarat JK TAP Bil 03 2022\\_28 Julai 2022.pdf](#)
4. [B0082\\_A01\\_AB03\\_20234\\_Minit Mesyuarat JK TAP Bil 04 2022\\_20 oktober 2022.pdf](#)
5. [B0082\\_A01\\_AB03\\_20235\\_UITM CCA QR.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Terdapat beberapa rubrik yang akan menentukan pencapaian PI KPSK HEP. Antaranya ialah jumlah program yang dijalankan, penglibatan pelajar di dalam program atau aktiviti, dan juga pencapaian pelajar dalam aktiviti yang telah dijalankan. Bagi memenuhi kriteria yang telah ditetapkan dalam mencapai KPI yang cemerlang, usaha dalam mengenalpasti pelajar yang berkebolehan dan mempunyai potensi dalam bidang yang berkaitan telah dilaksanakan. Ini dibuat melalui hebahan menggunakan pelbagai media untuk menarik minat pelajar untuk menyertai program yang bakal berlangsung. Contohnya melalui poster fizikal yang ditampal di laluan-laluan utama dan juga poster digital yang dikongsi melalui media sosial seperti WhatsApp, Facebook dan Instagram.

Usaha sebegini telah giat dijalankan sepanjang tahun dan menampakkan hasil. Ini dapat dilihat melalui laporan dan juga analisis penilaian aktiviti pelajar di mana hampir keseluruhan program telah mencapai KPI yang telah ditetapkan. Pencapaian pelajar di dalam pertandingan sama ada peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa juga telah membuahkan hasil yang memberangsangkan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0082\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20231\\_Pelaporan Suku ke-2 Mased- KPSK 25 Julai 2023.pdf](#)



#### **4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Risiko adalah kemungkinan atau bahaya kerugian dalam melakukan sesuatu tanpa mengambilkira kemungkinan bahaya itu. Risiko juga adalah gabungan kemungkinan dan kejadian bahaya yang mungkin akan berlaku. Pengurusan risiko merupakan satu prinsip yang bertujuan untuk mengenal pasti, menganalisis dan mengendalikan faktor risiko untuk meningkatkan peluang bagi mencapai kejayaan atau mengelak dari sebarang kegagalan yang berlaku. Sektor Pendidikan juga tidak terlepas daripada sebarang perkara yang melibatkan risiko dan pengurusan risiko terutamanya semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di bilik kuliah, makmal dan bengkel.

Warga Kolej Pengajian Seni Kreatif samada staf mahupun pelajar sentiasa berhadapan dengan bahaya, sama ada di rumah, tempat kerja ataupun di bilik kuliah, makmal dan bengkel. Jika kita gagal menguruskan risiko dengan secukupnya, ia mampu mengundang padah dan bahaya. Risiko menyebabkan kecederaan kepada individu mahupun pekerja. Apabila risiko ini tidak dikendalikan, ia akan menyebabkan kemalangan di tempat kerja atau di bilik kuliah, makmal dan bengkel. Selain pelajar dapat melakukan kerja-kerja amali di makmal dan bengkel dimana ia memerlukan pelajar untuk mengetahui cara menggunakan peralatan dengan selamat bagi mengelakan berlakunya sebarang kemalangan atau kecederaan.

Pengurusan Eksekutif Kolej Pengajian Seni Kreatif sangat menitikberatkan aspek pengurusan risiko di kesemua Pusat Tanggungjawabnya yang berada di Kampus Shah Alam, Kampus Puncak Alam dan Kampus Puncak Perdana. Jawatankuasa Pengurusan Risiko KPSK UiTM memainkan peranan yang penting di dalam menguruskan hal ehwal pengurusan risiko. Pengurusan risiko ini adalah menjadi amalan untuk mengesan dan menilai potensi ancaman secara sistematik kepada entiti. Langkah seterusnya ialah melaksanakan strategi pengurusan risiko yang berkesan untuk mengurangkan ancaman yang telah diutamakan sebagai yang paling memudaratkan untuk mencapai objektif yang ditetapkan Individu mahupun Bahagian dan Unit di KPSK UiTM yang sentiasa berhadapan dengan pelbagai risiko sepanjang perjalanan kehidupan. Risiko merupakan sebahagian daripada kehidupan kerjaya individu mahupun Bahagian dan Unit di KPSK UiTM. Pengurusan risiko yang sistematik boleh meningkatkan kawalan ke atas kegagalan sesuatu sistem dan secara tidak langsung melindunginya pada tahap yang optimum. Pengurusan risiko yang lemah ke atas bahaya (hazard) ataupun potensi hazard yang dikenal pasti akan menjejaskan pencapaian strategi universiti. Ini akan menyebabkan nilai risiko negative meningkat.

#### **SENARAI BUKTI :**

#### **4.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Kolej Pengajian Seni Kreatif UiTM sangat komited dan konsisten dalam mengkaji semula terhadap risiko, isu dan masalah yang berlaku didalam pengurusan PTJ di kesemua kampusnya. Selain itu, komitmen dan konsistensi didalam melihat peluang dan melakukan penambahbaikan kepada setiap aktiviti yang dilakukan dan dihasilkan sudah tentu akan membantu KPSK untuk mencapai visi, misi serta objektif universiti.

Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan adalah penting bagi sesuatu PTJ seperti KPSK. Kajian Semula Pengurusan penting untuk membincangkan dan menilai peluang-peluang penambahbaikan serta keperluan kepada perubahan terhadap sistem pengurusan kualiti. Kajian semula pengurusan dibantu dengan analisis data. Prosedur analisis data ini dilakukan dalam bentuk kuantitatif dan merangkumi :

- 1.) Mengenalpasti, mengumpul dan seterusnya menganalisis data-data yang hendak dilaporkan bagi menunjukkan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti.
- 2.) Menyediakan data yang telah dianalisis sebagai input kepada Kajian Semula Pengurusan dan tindakan pembedahan serta pencegahan seterusnya penambahbaikan secara berterusan.

Proses pengurusan risiko melibatkan beberapa langkah yang penting. Setiap langkah mestilah dikendalikan dengan cekap dan berkesan di samping menggunakan sumber dalaman atau luaran yang telah dikenal pasti kebolehpercayaannya. Langkah Pengurusan Risiko di KPSK UiTM adalah seperti yang berikut :

Langkah 1: Membentuk Konteks

Langkah 2: Mengenal Pasti Risiko

Langkah 3: Menganalisis Risiko

Langkah 4: Tindakan Ke Atas Penilaian Risiko

Langkah 5: Kawalan Risiko

#### **SENARAI BUKTI :**

#### 4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pembudayaan aktiviti pelajar ini adalah penting bagi meningkatkan intelektual pelajar dari bidang seni kreatif. Aktiviti pelajar ini mewujudkan persekitaran yang inklusif, saling menghargai, dan saling memahami. Didalam kelab dan persatuan pelajar KPSK, aktiviti program pelajar akan terdedah kepada pandangan dan pengalaman yang berbeza, dan mempengaruhi cara pelajar memahami realiti alam pekerjaan, bersikap positif terhadap orang lain, dan mengintegrasikan nilai-nilai baharu ke dalam pemikiran. Integrasi yang berjaya boleh memberikan kesan yang positif kepada pembudayaan pelajar, membantu menjadi individu yang lebih terbuka, berempati, dan berdaya saing dalam masyarakat. **Slides info AKNC HEP**

Sambutan yang baik dari pelajar dalam menyemai integrasi pembelajaran pelajar dengan memasuki pertandingan, khidmat masyarakat, sukarelawan, keusahawanan, lawatan lapangan dan lain-lain. Pencapaian ini dapat dilihat dalam senarai program aktiviti yang dinyatakan oleh **PI HEP KPSK 2022**

Keilmuan pelajar tidak hanya melibatkan pembelajaran didalam kelas atau studio, pembudayaan belajar dari pedagogi aktiviti luar dapat pengembangan nilai, sikap, dan pengetahuan melalui pengalaman pembelajaran yang dijalankan di luar persekitaran tradisional dalam kelas. Pengalaman pembelajaran pelajar dapat dipraktik melalui pertandingan tertentu antaranya Pertandingan Rekaan Barang Kemas- **Milano Jewellery Design Competition, Program 1st International Start-Up League Competition 2023, anjuran Princess of Naradhiwas University (PNU) Narathiwat Thailand**, Pertandingan ACP Championship Malaysia 2022, Pertandingan Grand Finals International Music Competition Malaysia 2022 dan Pertandingan Menggubah Lagu OKU. (PI HEP KPSK 2022)

Pengalaman aktiviti luar seringkali membuka pintu kepada pembelajaran sepanjang hayat. Pelajar akan merasai keseronokan dalam pembelajaran dan meneruskannya dengan mengeksplorasi topik yang menarik bagi mereka. Justeru, pelajar juga tidak ketinggalan didalam **E-sport**, atau sukan elektronik, program yang dijalankan seperti CCA e-Sport Selection - 28 Mei 2022 (90 orang pelajar) dan e-Sport Sukan Antara Fakulti (interfac) 2022- 10-26 Jun 2022 (52 orang pelajar) dapat memberikan integrase kerja berpasukan, dialog lintas budaya, komuniti dan sosial.

Dalam aspek perancangan, pengurusan, kepimpinan, kolaborasi secara praktikal dapat dilihat dari program Empowering Randai Through IPTA's Performing Arts. Program seperti ini dan program lawatan akademik dapat membina jaringan kerjasama bersama pihak industri. Antara program yang sentiasa dijalankan adalah program pameran pelajar akhir tahun yang mempamer dan mempromosikan hasil karya seni pelajar tahun akhir secara profesional dan memberi pendedahan kepada industri.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_A01\\_AB05\\_20231\\_Slides info AKNC HEP 1.pdf](#)
2. [B0082\\_A01\\_AB05\\_20232\\_PI HEP KPSK -TNC HEP Unit Kualiti 09082023.pdf](#)
3. [B0082\\_A01\\_AB05\\_20233\\_PI HEP KPSK -TNC HEP Unit Kualiti 09082023 2.pdf](#)
4. [B0082\\_A01\\_AB05\\_20234\\_Lampiran Aktiviti Milano 1.pdf](#)
5. [B0082\\_A01\\_AB05\\_20235\\_Borang L2\\_Laporan Penutup - Narathiwat 2022.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

KPSK berusaha untuk mengurus dan merancang program pembangunan pelajar yang memberikan kesan besar melalui tadbir urus yang cekap. Panduan utama untuk perancangan ini bersandarkan kepada Perancangan Strategik Kolej 2022. Aktiviti ini bertujuan mencapai 10 Penunjuk Prestasi (PI) HEP KPSK yang ditetapkan oleh universiti, termasuk aktiviti seperti SULAM (Service Learning Malaysia-University for Society), Keusahawanan, Kesukarelawan, Kepimpinan, Inovasi, e-Sukan, dan Kemahiran Komunikasi. Perancangan program atau aktiviti pelajar melibatkan dua pendekatan: pengintegrasian dalam kursus akademik atau melalui jawatankuasa pentadbiran HEP berdasarkan keperluan portfolio koordinator HEP. Bagi program yang wujud daripada kursus akademik, kelulusan untuk mengatur program di bawah kursus perlu diperolehi daripada Dekan Akademik sebelum pelaksanaan berikutnya dapat dilaksanakan. Untuk menjalankan program melalui kursus, diperlukan jawatankuasa pelaksana yang terdiri daripada penasihat pensyarah kursus serta pelajar kursus yang terlibat. Perancangan program dan aktiviti melalui kursus akademik melibatkan perbincangan dan mesyuarat di peringkat jabatan/bidang pengajian. Pensyarah kursus yang bertindak sebagai penasihat program perlu berhubung dengan ketua pelajar kursus untuk menyediakan dokumentasi mengikut Standard Operation Procedure (SOP) HEP KPSK. KPSK menyampaikan maklumat perancangan strategik melalui perbincangan dalam talian yang boleh diakses melalui saluran YouTube KPSK. Laman web Hal Ehwal Pelajar KPSK menjadi pusat maklumat yang mudah diakses oleh pensyarah dan pelajar untuk mendapatkan prosedur serta aliran kerja berkaitan pembangunan pelajar. Beberapa program dijalankan melalui kerjasama akademik dan bukan akademik dengan industri, komuniti, dan alumni seperti yang dinyatakan dalam dokumen MoU/MoA/Lol dengan pejabat ICAN KPSK. Kerjasama ini menambah nilai kepada pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan pengiktirafan program. Pentadbiran KPSK memberikan penekanan kepada komunikasi dua hala melalui pemberitahuan rasmi melalui e-mel HEP KPSK dan panggilan telefon dalam situasi kecemasan. Mesyuarat diadakan antara staf pentadbiran HEP, pihak Pengurusan Tertinggi KPSK, dan Dekan bersama pelajar untuk memastikan pengurusan dan perancangan HEP KPSK disampaikan dengan cekap agar perancangan dan pelaksanaan program berjalan dengan lancar. KPSK memberikan penghargaan kepada jawatankuasa program pembangunan pelajar dengan mengeluarkan surat kelulusan program atas nama pensyarah yang memimpin program dan memberikan sijil penghargaan kepada pelajar/peserta yang berjaya. Melalui usaha ini, KPSK berharap dapat memberi motivasi kepada pensyarah dan pelajar untuk merancang dan mengurus program pelajar dengan lebih efisien demi mencapai matlamat universiti dan memberikan pengalaman yang bermakna kepada pelajar yang terlibat khususnya. KPSK juga memberi penekanan kepada aspek pengurusan risiko kerana ia penting bagi memastikan sebarang kelemahan atau kekangan dapat dikawal, dipantau serta dikaji agar boleh dijadikan panduan kepada KPSK dalam program-program yang dirancang pada masa hadapan. Justeru, maklumbalas daripada pemegang taruh (stakeholders) adalah penting dalam menyokong usaha kawalan kualiti yang berterusan (Quality Continuous Improvement).

## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) telah beroperasi pada 03 Februari 2022. Sejalan dengan pengoperasian baru ini, Pengurusan Sumber Manusia memainkan peranan penting dalam memacu kejayaan KPSK. Pengurusan sumber manusia yang terancang adalah penting dalam memastikan kecekapan sesebuah organisasi berada ditahap yang optimum. Pengurusan Sumber Manusia beroperasi dengan 7 lokasi yang berbeza (Kampus Shah Alam - Kompleks Ilham, Menara SAAS, CMThub, Kampus Seksyen 17, Kampus Jalan Othman, Kampus Puncak Perdana, Kampus Puncak Alam). Pengurusan Kanan KPSK sentiasa memastikan Pengurusan Sumber Manusia KPSK bersama dalam menggerakkan dan menjayakan setiap aktiviti yang dirancang. Bahagian Sumber Manusia KPSK terlibat secara langsung dari segi penglibatan staf akademik dan staf sokongan dalam perancangan dan penyediaan program kemahiran, dan pengetahuan melalui aktiviti pembangunan pelajar anjuran jabatan, kelab atau persatuan dengan kelulusan Bahagian Hal Ehwal Pelajar KPSK. Penasihat kelab atau persatuan, atau mana-mana staf yang terlibat secara langsung dengan program dan aktiviti pelajar di pilih melalui persetujuan mesyuarat dalaman jabatan masing-masing yang diminitkan, dan diberi surat lantikan rasmi yang ditanda tangani oleh Ketua Bidang. Bagi program Empowering Randai Through IPTA's Performing Arts, 1st International Business Start Up League 2022 Competition dan Pertandingan Barang kemas Milano Jewellery, Bahagian Sumber Manusia KPSK terlibat secara langsung dari segi penglibatan dan mobiliti staf akademik dan staf sokongan dalam keperluan pengurusan kemudahan penempatan, logistik dan kewangan bagi program yang berlansung di luar kampus UiTM Selangor, terutama bagi program luar negara.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0082\\_S01\\_SB02\\_20231\\_CARTA\\_Kolej\\_HEP\\_update\\_20122022\\_1.pdf](#)
2. [B0082\\_S01\\_SB02\\_20232\\_Carta Alir Permohonan Aktiviti Pelajar HEP KPSK.pdf](#)
3. [B0082\\_S01\\_SB02\\_20233\\_PN.JUITA\\_GENETEX\\_SURAT LANTIKAN AJK JABATAN 2022-2024\\_Part7.pdf](#)

### 5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia sentiasa menyokong dan terlibat dengan perancangan KPSK melalui unit Hal Ehwal Pelajar dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan terutamanya para mahasiswa dapat disampaikan dengan pantas selari dengan hasrat UiTM menyediakan urus tadbir tangkas (agile) dengan pelantikan koordinator iaitu ketua kepimpinan dan pembangunan pelajar, koordinator kesejahteraan dan kebajikan pelajar, koordinator persatuan pelajar dan koordinator ketampakan dan kelestarian pelajar. Terdapat juga lantikan penyelararas di bawah unit Pembangunan Kerjaya, kaunseling, OKU dan Disiplin, Penyelararas program professional, penyelararas pertandingan dan pengantarabangsaan dan penyelararas kemahiran insaniah, kesukarelawan dan kenegaraan bersama Unit Kaunseling & Bimbingan Kerjaya dan industri. Melalui pelantikan ini secara tidak langsung pelbagai program pembangunan dan kepimpinan pelajar dapat dianjurkan dalam memastikan nilai tambah pembangunan pelajar selaras dengan misi dan visi UiTM untuk menghasilkan graduan yang holistik dan unggul dari segi intelek, jasmani, rohani, emosi dan sosial. Program-program seperti Finishing School diadakan untuk memberi motivasi dan bimbingan kepada pelajar KPSK sekali gus dapat menyerlahkan bakat dan kebolehan pelajar dalam memenuhi pasaran industri pada masa akan datang. Program Finishing School ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa tahun akhir khususnya bagi membuat persiapan sebelum melangkah ke alam pekerjaan. Program kolaborasi bersama yang diadakan ini diharap dapat memberi input kerjaya yang sebenar buat mahasiswa agar mereka boleh mempersiapkan diri mereka untuk memenuhi pasaran pekerjaan diluar bersesuaian dengan kelulusan dan skill yang mereka ada. Program yang menjadi platform kepada bakal graduan ini membolehkan padanan peluang pekerjaan yang bersesuaian kepada mahasiswa dari pelbagai peringkat jawatan mengikut kelayakan. Melalui program ini juga para pelajar diberi perkongsian mengenai tatacara menghadiri temuduga dan penulisan resume dengan menggunakan versi terkini agar kekal relevan dan dapat membantu pelajar dalam memberikan idea dan gambaran kreatif dalam setiap permohonan pekerjaan. Program ini telah berlangsung pada 18 Jun 2022 dengan penyertaan seramai 20 orang pelajar dari pelbagai pusat pengajian dibawah KPSK. Pihak pengurusan KPSK melalui bahagian Sumber Manusia membantu dalam penyediaan ruang dan juga peruntukan kewangan bagi menjalankan program tersebut. KPSK juga menerusi Bahagian Sumber Manusia telah memaksimumkan kepakaran dan pengalaman staf akademik dan sokongan dalam menjalankan program Finishing School.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_S01\\_SB03\\_20231\\_Kelulusan Fisnishing School KPSK 2022.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Bahagian HEP KPSK telah menyediakan borang pelaporan untuk diisi oleh penganjur atau pemohon sesudah selesainya program yang dijalankan dan langkah ini menjadi salah satu cara HEP dan KPSK mengukur kejayaan dan keberkesanan program tersebut. Ada juga program yang disemak populariti dan kepentingannya melalui jumlah kehadiran peserta dan penglibatan pihak lain seperti wakil agensi kerajaan dan swasta, industri dan alumni. Kecemerlangan program boleh juga diukur melalui hebahan di media sosial rasmi KPSK dimana pengiktirafan kejayaan staf dan pelajar diraikan dan dikongsi bersama menggunakan platform Instagram, lama sesawang dan facebook KPSK.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0082\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20231\\_Borang L2\\_Laporan Penutup - International Start-Up League Competition Narathiwat 2022.pdf](#)
2. [B0082\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20232\\_MILANO\\_Design Brief \(2\) 15 April 2022 \(1\).pdf](#)
3. [B0082\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20233\\_Laporan Postmortem MJDC 2022.pdf](#)

## 5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pihak KPSK amat teliti dalam proses dan pengendalian program dan aktiviti pelajar yang juga melibatkan staf akademik dan sokongan. Setiap perancangan dilakukan megikut aliran kerja dan ketetapan yag telah disediakan oleh pihak pengurusan KPSK terutamanya Bahagian HEP. Antara perkara yang perlu dilakukan bagi memastikan program berjalan dengan lancar dan segala kemudahan dan keperluan pelajar dan staf mencukupi adalah dengan mengisi kertas kerja permohonan mengadakan program melalui laman web HEP KPSK. Permohonan yang diisi perlu lengkap dengan menyatakan tujuan, latar belakang program, objektif, implikasi kewangan, jumlah peserta, perincian program dan keperluan. Ini adalah langkah pertama dalam megenalpasti potensi risiko dalam menjalankan sesuatu program atau aktiviti. Perancangan yang baik juga dapat mengurangkan risiko kepada pelajar dan juga staf yang mengikuti dan menjalankan program. Promosi dan bahan hebahan mengenai progaram juga perlu mendapat kelulusan Ketua Bidang dan seterusnya disaring melalui Unit Korporat KPSK dimana bahan hebahan dan promosi disemak untuk memastikan kandungan dan penggunaan branding KPSK dan UiTM mengikut ketetapan yang betul dan tidak melanggar peraturan dan etika UiTM. Milano Jewellery Design Competition (MJDC) 2022 adalah salah satu program kerjasama antara Jabatan Logam Kontemporari dari UiTM kampus Shah Alam dan Machang bersama Milano Jewellery Sdn. Bhd. yang melibatkan semua pelajar tahun akhir peringkat (diploma dan ijazah sarjana muda), dan staf dari jabatan itu. Program yang memakan belanja sebanyak RM55,850 itu dirancang dengan amat teliti dan perincian kandungan program disemak dan diluluskan pihak pengajur dan juga pihak KPSK UiTM sehingga berjaya berlansung dengan jayanya.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20231\\_Borang\\_C\\_Pindaan\\_2022.pdf](#)
2. [B0082\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20232\\_Laporan Postmortem MJDC 2022.pdf](#)
3. [B0082\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20233\\_MILANO\\_Design Brief \(2\) 15 April 2022 \(1\).pdf](#)



### 5.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

KPSK sentiasa berusaha untuk memperbaiki proses kerja dan prosedur sedia ada dengan efektif. Tindakan yang munasabah akan diambil bagi memenuhi keperluan pelanggan dan meningkatkan kepuasan hati pelanggan yang meliputi: *a) Memperbaiki produk dan perkhidmatan supaya memenuhi keperluan dan juga bagi menentukan keperluan dan jangkaan masa depan; b) Memperbaiki, mencegah atau mengurangkan kesan yang tidak diinginkan c) Meningkatkan prestasi dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti* Justeru, Borang Maklumbalas digunakan sebagai instrumen utama untuk mendapatkan pandangan dan persepsi pemegang taruh (industri/komuniti/alumni) terhadap penganjuran program pelajar yang dilaksanakan. Ini adalah satu usaha penambahbaikan berterusan (Continuous Improvement) yang sangat dititikberatkan oleh KPSK. Laporan daripada maklumbalas ini dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan KPSK bagi melihat dan menimbang semula program-program pelajar. Sekiranya, program yang dilaksanakan ternyata tidak mempunyai impak positif maka program pelajar tersebut tidak akan dilaksanakan pada masa hadapan. Buat masa ini, program-program anjuran KPSK pada keseluruhannya mendapat pandangan positif dan meninggalkan impak yang baik dalam kalangan pemegang taruh.

#### **SENARAI BUKTI :**

## **5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Penganjuran program-program pembangunan pelajar KPSK terutamanya program yang terhasil daripada kursus akademik telah memberi peluang kepada para pensyarah yang terlibat mengintegrasikan program pelajar tersebut terutamanya bengkel dan seminar dengan pendekatan Collaborative Teaching (anjaran Bahagian Hal Ehwal Akademik Universiti). Pembudayaan Collaborative Teaching dengan perancangan program-program pelajar di KPSK walaupun berada dalam tahap permulaan, ia boleh menyumbang kepada pencapaian PI yang lain iaitu PI HEA dan PI ICAN (Jaringan Industri/Komuniti/Alumni) . Standard Operation Procedure atau tatakelola pihak HEP yang disediakan memberi ruang kepada para pensyarah untuk melihat potensi program pelajar tersebut lebih jauh dimana pengajaran dan pembelajaran bukan hanya berada dalam ruang bilik kuliah semata tetapi juga boleh diadakan di luar bilik kuliah serta penaksiran kursus akademik pelajar juga dinilai oleh pemegang taruh yang dijemput (industri/alumni/komuniti). Kaedah Pengajaran dan pembelajaran pelajar adalah lebih luas dan terbuka.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_S01\\_SB05\\_20231\\_Sijil Anugerah Dekan.pdf](#)

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

KPSK berusaha untuk mengurus dan merancang program pembangunan pelajar yang memberikan kesan besar melalui tadbir urus yang cekap. Panduan utama untuk perancangan ini bersandarkan kepada Perancangan Strategik Kolej 2022. Aktiviti ini bertujuan mencapai 10 Penunjuk Prestasi (PI) HEP KPSK yang ditetapkan oleh universiti, termasuk aktiviti seperti SULAM (Service Learning Malaysia-University for Society), Keusahawanan, Kesukarelawan, Kepimpinan, Inovasi, e-Sukan, dan Kemahiran Komunikasi. Perancangan program atau aktiviti pelajar melibatkan dua pendekatan: pengintegrasian dalam kursus akademik atau melalui jawatankuasa pentadbiran HEP berdasarkan keperluan portfolio koordinator HEP. Bagi program yang wujud daripada kursus akademik, kelulusan untuk mengatur program di bawah kursus perlu diperolehi daripada Dekan Akademik sebelum pelaksanaan berikutnya dapat dilaksanakan. Untuk menjalankan program melalui kursus, diperlukan jawatankuasa pelaksana yang terdiri daripada penasihat pensyarah kursus serta pelajar kursus yang terlibat. Perancangan program dan aktiviti melalui kursus akademik melibatkan perbincangan dan mesyuarat di peringkat jabatan/bidang pengajian. Pensyarah kursus yang bertindak sebagai penasihat program perlu berhubung dengan ketua pelajar kursus untuk menyediakan dokumentasi mengikut Standard Operation Procedure (SOP) HEP KPSK. KPSK menyampaikan maklumat perancangan strategik melalui perbincangan dalam talian yang boleh diakses melalui saluran YouTube KPSK. Laman web Hal Ehwal Pelajar KPSK menjadi pusat maklumat yang mudah diakses oleh pensyarah dan pelajar untuk mendapatkan prosedur serta aliran kerja berkaitan pembangunan pelajar. Beberapa program dijalankan melalui kerjasama akademik dan bukan akademik dengan industri, komuniti, dan alumni seperti yang dinyatakan dalam dokumen MoU/MoA/Lol dengan pejabat ICAN KPSK. Kerjasama ini menambah nilai kepada pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan pengiktirafan program. Pentadbiran KPSK memberikan penekanan kepada komunikasi dua hala melalui pemberitahuan rasmi melalui e-mel HEP KPSK dan panggilan telefon dalam situasi kecemasan. Mesyuarat diadakan antara staf pentadbiran HEP, pihak Pengurusan Tertinggi KPSK, dan Dekan bersama pelajar untuk memastikan pengurusan dan perancangan HEP KPSK disampaikan dengan cekap agar perancangan dan pelaksanaan program berjalan dengan lancar. KPSK memberikan penghargaan kepada jawatankuasa program pembangunan pelajar dengan mengeluarkan surat kelulusan program atas nama pensyarah yang memimpin program dan memberikan sijil penghargaan kepada pelajar/peserta yang berjaya. Melalui usaha ini, KPSK berharap dapat memberi motivasi kepada pensyarah dan pelajar untuk merancang dan mengurus program pelajar dengan lebih efisien demi mencapai matlamat universiti dan memberikan pengalaman yang bermakna kepada pelajar yang terlibat khususnya. KPSK juga memberi penekanan kepada aspek pengurusan risiko kerana ia penting bagi memastikan sebarang kelemahan atau kekangan dapat dikawal, dipantau serta dikaji agar boleh dijadikan panduan kepada KPSK dalam program-program yang dirancang pada masa hadapan. Justeru, maklumbalas daripada pemegang taruh (stakeholders) adalah penting dalam menyokong usaha kawalan kualiti yang berterusan (Quality Continuous Improvement).

## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

KPSK sentiasa memikirkan tatakelola yang efektif dalam usaha melancarkan proses pengurusan, perancangan dan pembangunan program pelajar yang berimpak tinggi. Panduan utama yang digunakan sebagai asas perancangan dan pembangunan program pelajar KPSK adalah berlandaskan Perancangan Strategik Kolej tahun 2022. Perancangan aktiviti adalah menyasar kepada pencapaian 10 *performance indicator* (PI) yang telah ditetapkan oleh universiti seperti penganjuran aktiviti *SULAM* (Service Learning Malaysia-University for Society), Keusahawanan, Kesukarelawan, Kepimpinan, Inovasi, e-Sport, Kemahiran Komunikasi dan sebagainya. Bagi kursus atau program yang dikenalpasti sebagai *SULAM*, ia didaftarkan di Bahagian Hal Ehwal Akademik Universiti agar kedua-dua PTJ (HEP KPSK dan BHEA Universiti) dapat memantau (monitoring) pelaksanaan program secara terperinci. Pendekatan untuk menyampaikan maklumat perancangan KPSK adalah melalui perjumpaan secara atas talian yang boleh diakses melalui *YouTube Channel KPSK*. Manakala inisiatif lain yang diusahakan untuk mencapai sasaran serta menyampaikan maklumat yang mudah dicapai (*easy access*) adalah melalui laman sesawang Hal Ehwal Pelajar KPSK. Laman sesawang ini bertindak sebagai *One Stop Centre* bagi para pensyarah dan pelajar mendapatkan maklumat penting tentang tatacara dan prosedur permohonan penganjuran program, *template* kertas kerja program, *template* laporan akhir program, Borang C (butiran program), permohonan sijil aktiviti HEP, permohonan kenderaan, dan lain-lain lagi. Selain itu, pelajar-pelajar yang berminat untuk menubuhkan persatuan ataupun kelab di KPSK ini boleh merujuk di dalam website ini di mana mereka boleh mendapatkan maklumat proses-proses untuk menubuhkan kelab dan persatuan. Keseragaman tatacara dan prosedur bagi kampus KPSK Shah Alam, Puncak Perdana dan Puncak Alam adalah penting agar kualiti pembangunan program pelajar dapat dikawalselia serta diukur dengan lebih berkesan. Disamping itu, terdapat beberapa program pelajar yang diadakan adalah sebahagian daripada perjanjian kolaborasi akademik yang dimeterai diantara Pejabat Jaringan Industri & Alumni (ICAN) KPSK dengan industri/komuniti/alumni melalui *Perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU/Memorandum Persefahaman (MoA)/Surat Niat (LoI)*. Kolaborasi ini akan memberi nilai tambah (*Added Value & inclusivity*) kepada pembangunan pengajaran dan pembelajaran pelajar disamping memastikan program pembangunan pelajar ini mendapat ketampakan (*visibility*) dengan lebih meluas. Bagi memastikan kelancaran pengurusan pembangunan pelajar, KPSK mementingkan komunikasi dua hala (*communication*) pelbagai pihak melalui pemakluman emel rasmi HEP KPSK yang dipantau oleh Pegawai Eksekutif (EO) dan Penolong Pendaftar HEP. Komunikasi melalui telefon juga digalakkan sekiranya terdapat hal-hal penting yang perlu ditangani segera. Komunikasi dua hala pelbagai pihak bertujuan untuk memaklumkan tarikh-tarikh penting seperti mesyuarat kelulusan permohonan, kelulusan bajet TAPA (Tabung Amanah Pelajar), penganjuran program dan hal-hal berkaitan pembangunan Hal Ehwal Pelajar. KPSK juga mengadakan mesyuarat sebagai medium komunikasi bersemuka bersama staf pentadbiran HEP, mesyuarat pihak HEP bersama Pengurusan Tertinggi KPSK dipengerusikan oleh Penolong Naib Canselor dan dihadiri oleh Ketua Pengajian, Ketua Bidang dan Koordinator-koordinator. KPSK juga mengadakan mesyuarat bersama pelajar bagi mendapatkan maklumbalas atau input berkaitan pengurusan dan perancangan HEP KPSK. KPSK juga menggunakan pendekatan berupa ganjaran kepada jawatankuasa program pembangunan pelajar melalui surat kelulusan program di atas nama pensyarah yang mengetuai program pelajar, surat tersebut boleh digunakan sebagai bukti usaha pembangunan pelajar yang dilaksanakan di bawah item Student Development dalam sistem MyATP pensyarah. Manakala para pelajar /peserta diberikan sijil penghargaan di atas kejayaan program yang dilaksanakan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0082\\_O01\\_OB02\\_20231\\_OPERATION\\_EXCELLENCE - Assistant Vice Chancellor with the Members of CCA 4.2.2022.pdf](#)

2. [B0082\\_O01\\_OB02\\_20232\\_One stop centre website.pdf](#)
3. [B0082\\_O01\\_OB02\\_20233\\_Pemakluman Mesyuarat Tabung Amanah \(2\).pdf](#)
4. [B0082\\_O01\\_OB02\\_20234\\_Panduan pendaftaran persatuan dan kelab.pdf](#)
5. [B0082\\_O01\\_OB02\\_20235\\_Panduan permohonan aktiviti pelajar.pdf](#)

### 6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Lazimnya, (P) perancangan program atau aktiviti pelajar terhasil daripada dua pendekatan (Delegation) iaitu melalui kursus-kursus akademik pengajian atau melalui jawatankuasa pentadbiran HEP mengikut keperluan portfolio koordinator lantikan HEP. Bagi program yang terhasil daripada kursus-kursus pengajian akademik, kelulusan bagi menganjurkan program di bawah kursus mendapat kelulusan daripada Dekan Akademik sebelum proses pelaksanaan seterusnya dapat dilakukan. Penganjuran program melalui kursus perlu menubuhkan satu jawatankuasa pelaksana yang mana terdiri daripada penasihat dalam kalangan pensyarah kursus serta para pelajar kursus yang terlibat (Empowerment). Perancangan program dan aktiviti melalui kursus-kursus akademik perlulah melalui sesi perbincangan dan mesyuarat di peringkat jabatan/bidang pengajian kemudian pensyarah kursus yang dilantik sebagai penasihat program harus berhubungan dengan ketua pelajar kursus untuk menyediakan dokumentasi yang diperlukan mengikut *Standard Operation Procedure* pihak HEP KPSK (D) (Accountability & Integrity). Pada peringkat perancangan awal ini juga, jawatankuasa program yang terlibat mengambil kira aspek-aspek seperti kesesuaian tema, kos pembiayaan, masa dan tempoh program, lokasi, potensi pemegang taruh yang akan terlibatsama (industri, komuniti dan alumni - Engagement) dan kekangan atau risiko mendatang serta impak program dirancang untuk mencapai sasaran PI yang telah ditetapkan. Setelah sesi penyediaan dokumentasi permohonan selesai disiapkan, permohonan penganjuran program pelajar tersebut pula akan dibawa ke sesi mesyuarat dan perbincangan di peringkat pengurusan kolej (C). Perbincangan pihak pengurusan ini diadakan bagi mencambahkan idea serta meneliti potensi penganjuran sesebuah program/aktiviti yang dipohon sebelum kelulusan program itu diberikan. Setelah pihak pengurusan kolej meneliti dan mencapai kata putus, Penolong Naib Canselor kolej (PNC) akan mengeluarkan surat kelulusan program. Bagi program yang mempunyai tajaan luar, satu kertas kerja permohonan kertas tajaan harus disediakan oleh jawatankuasa program iaitu pensyarah, koordinator lantikan HEP dan pelajar. Pada masa yang sama, penasihat program (pensyarah) harus memohon kelulusan daripada Rektor Kampus bagi mendapatkan tajaan luar, setelah mendapat kelulusan barulah permohonan tajaan luar dianggap sah. (A) Pada hari program/majlis, jawatankuasa program harus memastikan ruang dan fasiliti telah tersedia, hebahan program telah dilakukan, dokumentasi dan ICT tersedia, tetamu jemputan telah mengesahkan kehadiran, borang kehadiran jemputan telah disediakan serta borang maklumbalas program juga diedarkan setelah program/majlis selesai. Program pelajar seperti bengkel, webinar, sesi diskusi dan wacana, persidangan serta jaringan komuniti adalah program yang pada kebiasaannya diadakan bagi memberi peluang kepada para pelajar menimba ilmu dan pengalaman, mempamerkan kemahiran insaniah disamping mengetengahkan kolej di peringkat nasional dan global. Antara kandungan program pembangunan pelajar yang amat dititikberatkan adalah Program Latihan Industri, Program Keusahawanan, Program Kesukarelawan, Projek Inkubator, Program Kepimpinan, program yang memberi ilmu tambah kepada kursus dan sebagainya.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_O01\\_OB03\\_20231\\_Contoh borang C.pdf](#)
2. [B0082\\_O01\\_OB03\\_20232\\_KERTAS KERJA Pelajar.pdf](#)
3. [B0082\\_O01\\_OB03\\_20233\\_Kelulusan aktiviti pelajar.pdf](#)
4. [B0082\\_O01\\_OB03\\_20234\\_Platform hebahan program semarak kemerdekaan.pdf](#)
5. [B0082\\_O01\\_OB03\\_20235\\_LAPORAN PENUTUP SEMARAK KEMERDEKAAN KPSK \(PERTANDINGAN POSTER\).pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemakluman dan hebahan tentang penganjuran program pelajar amat penting bagi membantu pihak pengurusan HEP mengukur impak, kecekapan dan ketampakan (visibility) sesebuah program itu. Oleh itu, bagi setiap program pelajar yang dilaksanakan akan disusuli dengan pendedaran bahan-bahan publisiti yang telah dirancang secara berkala seperti *poster*, *banner*, *bunting* yang dipaparkan melalui media sosial seperti *Facebook* dan *Instagram* atau melalui hebahan applikasi *Whatsapp*. Selain daripada itu, hebahan dan pemakluman bagi sesetengah program pelajar juga diwar-warkan melalui sesi temuramah ringkas di segmen televisyen seperti *Selamat Pagi Malaysia* (RTM) atau slot temuramah di TV Bernama. Usaha ketampakan juga dilakukan melalui laporan berita yang disiarkan melalui media cetak seperti *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia*. Tebaran berita dan juga bahan publisiti ini dijangka dapat memberi pendedahan kepada pemegang taruh (stakeholders) dan masyarakat umum tentang usaha KPSK untuk membangunkan para pelajar melalui program-program yang pelbagai selain daripada program berbentuk akademik. Persepsi masyarakat umum juga diambilkira melalui penulisan berita program-program pelajar begitu juga borang maklumbalas program yang diedarkan seusai pelaksanaan program. Setiap data serta maklumat yang diperolehi dinilai secara berkala dan sistematik agar dapat membantu pihak pengurusan KPSK membuat penambahbaikan (Continuous Improvement) bagi menyokong pencapaian kampus agar sentiasa berada pada tahap yang tinggi dan selari dengan perancangan KPSK. *Item* pengukuran utama bagi KPSK pencapaian bidang tumpuan pilihan adalah melalui peningkatan jumlah atau nilai impak sesuatu program yang dijalankan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0082\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20231\\_Platform hebahan.pdf](#)
2. [B0082\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20232\\_Hebahan di siaran tv.pdf](#)
3. [B0082\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20233\\_Liputan kemenangan pelajar kpsk di luar negara.pdf](#)
4. [B0082\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20234\\_Ccontoh liputan akhbar.pdf](#)
- 5.

## 6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pihak HEP memantau pengendalian risiko (Risk Management) dengan terperinci dalam usaha untuk memastikan setiap gerak kerja yang dilakukan adalah melalui prosedur yang betul seperti yang ditetapkan. Pengenalpastian risiko adalah melalui kumpulan utama berikut:

**Risiko Strategik/ Risiko Operasi/ Risiko Reputasi: *Risiko-risiko yang menjadi halangan untuk mencapai halatuju atau objektif pusat tanggungjawab/universiti*** Pihak HEP telah menyediakan tatakelola pengurusan dan perancangan dengan teratur dan sistematik bagi memastikan perancangan program pelajar mengikut SOP yang digariskan dapat mencapai halatuju dan objektif universiti. Sebagai contoh, persiapan dari segi teknikal haruslah dimulakan sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum program dilaksanakan. Strategi perancangan, operasi, reputasi adalah jelas dan telus, secara tidak langsung ia dapat memberikan impak yang positif pemegang taruh (stakeholders) terhadap KPSK dan Universiti.

**Risiko Kewangan: *Risiko-risiko berkaitan keupayaan kewangan, prosedur pengurusan kewangan dan keselamatan kewangan*** Pihak HEP mementingkan program pembangunan pelajar yang berimpak tinggi agar penggunaan kewangan adalah lebih bermanfaat. Sebagai contoh, program yang memberikan ketampakan (visibility) meluas terhadap KPSK dan universiti.

**Risiko Perundangan : *Risiko-risiko dari implikasi perundangan seperti perjanjian antara organisasi dan penurunan kuasa*** Strategi mengawal risiko dan implikasi perundangan dapat dikawal melalui kerjasama dengan Pejabat Jaringan Industri, Komuniti & Alumni KPSK, risiko yang mana pihak industri/alumni/komuniti menandatangani Memorandum Perjanjian Persefahaman MoU /Perjanjian Persetujuan MoA /Surat Niat Lol. Perjanjian secara rasmi ini dapat memberikan panduan jelas kepada kedua-dua pihak (KPSK dan industri/alumni/komuniti) untuk melaksanakan program pembangunan pelajar dengan telus.

**Risiko Projek Utama: *Risiko-risiko yang dijangka sepanjang tempoh pelaksanaan sesebuah projek bermula daripada proses penyediaan kertas cadangan projek sehingga projek tersebut siap dan diserahkan kepada pengguna*** Antara risiko yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut: (1) Tahap efisiensi pengurusan operasi bagi projek-projek jangka pendek (projek-projek bersifat Ad-Hoc/jangka masa pendek akan melibatkan pengurusan operasi yang kurang efisien) (2) Amalan birokrasi, polisi dan prosedur-prosedur yang rumit/lapuk (sesetengah projek berdepan dengan kerumitan pengurusan birokrasi UiTM dan terlebih tempoh) (3) Motivasi pada kumpulan sasaran untuk menjayakan projek-projek berjangka masa panjang atau terlebih tempoh sasaran (motivasi dan momentum bekerja menurun dengan bebanan tugas hakiki) (4) Pengurusan masa dan durasi pelaksanaan (dengan jadual akademik yang padat, jumlah pelajar yang ramai serta kekangan aktiviti-aktiviti Ad-Hoc yang lain telah menyebabkan beberapa program tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancangan)

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20231\\_Panduan permohonan aktiviti pelajar.pdf](#)
2. [B0082\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20232\\_One stop centre website.pdf](#)
3. [B0082\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20233\\_Prosedur aktiviti pelajar dalam tempoh penilaian.pdf](#)
4. [B0082\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20234\\_Prosedur tabung kecemasan pelajar.pdf](#)



5. [B0082\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20235\\_Panduan\\_Pengurusan\\_Risiko.pdf](#)

### 6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

KPSK sentiasa berusaha untuk memperbaiki proses kerja dan prosedur sedia ada dengan efektif. Tindakan yang munasabah akan diambil bagi memenuhi keperluan pelanggan dan meningkatkan kepuasan hati pelanggan yang meliputi: *a) Memperbaiki produk dan perkhidmatan supaya memenuhi keperluan dan juga bagi menentukan keperluan dan jangkaan masa depan; b) Memperbaiki, mencegah atau mengurangkan kesan yang tidak diinginkan c) Meningkatkan prestasi dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti* Justeru, Borang Maklumbalas digunakan sebagai instrumen utama untuk mendapatkan pandangan dan persepsi pemegang taruh (industri/komuniti/alumni) terhadap penganjuran program pelajar yang dilaksanakan. Ini adalah satu usaha penambahbaikan berterusan (Continuous Improvement) yang sangat dititikberatkan oleh KPSK. Laporan daripada maklumbalas ini dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan KPSK bagi melihat dan menimbang semula program-program pelajar. Sekiranya, program yang dilaksanakan ternyata tidak mempunyai impak positif maka program pelajar tersebut tidak akan dilaksanakan pada masa hadapan. Buat masa ini, program-program anjuran KPSK pada keseluruhannya mendapat pandangan positif dan meninggalkan impak yang baik dalam kalangan pemegang taruh.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20231\\_Laporan Bengkel Skrip Adaptasi Bersama Dear Novels. Sdn. Bhd. signed.pdf](#)
2. [B0082\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20232\\_LAPORAN PENUTUP PERTANDINGAN POSTER.pdf](#)
3. [B0082\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20233\\_KPSK GRAFIK -LAPORAN PERTANDINGAN MRM NURDANIA ALYA 2021307357 \(1\).pdf](#)
- 4.
- 5.

## 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penganjuran program-program pembangunan pelajar KPSK terutamanya program yang terhasil daripada kursus akademik telah memberi peluang kepada para pensyarah yang terlibat mengintegrasikan program pelajar tersebut terutamanya bengkel dan seminar dengan pendekatan Collaborative Teaching (anjaran Bahagian Hal Ehwal Akademik Universiti). Pembudayaan Collaborative Teaching dengan perancangan program-program pelajar di KPSK walaupun berada dalam tahap permulaan, ia boleh menyumbang kepada pencapaian PI yang lain iaitu PI HEA dan PI ICAN (Jaringan Industri/Komuniti/Alumni) .

Standard Operation Procedure atau tatakelola pihak HEP yang disediakan memberi ruang kepada para pensyarah untuk melihat potensi program pelajar tersebut lebih jauh dimana pengajaran dan pembelajaran bukan hanya berada dalam ruang bilik kuliah semata tetapi juga boleh diadakan di luar bilik kuliah serta penaksiran kursus akademik pelajar juga dinilai oleh pemegang taruh yang dijemput (industri/alumni/komuniti). Kaedah Pengajaran dan pembelajaran pelajar adalah lebih luas dan terbuka.

Selain itu, dengan wujudnya prosedur dan pembudayaan yang diterapkan oleh pihak HEP KPSK, ianya mampu memberi peluang kepada pelajar untuk bersinergi melalui program-program akademik dan juga bukan akademik. Di antaranya adalah pembabitan pelajar dari muzik dan juga dari bidang seni persembahan di pertandingan *aerodance* di kejohanan Sukan Antara Fakulti, program *Collaborative & Devised Theatre 2.0* , *Alumni Sharing Session* dan lain-lain lagi

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_O01\\_OB05\\_20231\\_Contoh program sinergi.pdf](#)
2. [B0082\\_O01\\_OB05\\_20232\\_Program kolaborasi bersama industri dan pemegang taruh.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

Bahagian ini kepada hasil dari tumpuan pelanggan yang dilaksanakan dan dicapai oleh PTJ iaitu Bahagian Hal Ehwal Pelajar, KPSK, UiTM. Perbincangan mencakupi hasil pencapaian tahap, tren, perbandingan dan kepentingan bagi Kriteria 3: Tumpuan Kepada Pelanggan dan Kriteria 4: Pengukuran, analisis dan pengukuran pengetahuan bagi kedua-dua kriteria yang turut dibincangkan.

#### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Sebagai penawar kepada pendidikan tinggi dalam bidang seni kreatif, warga Kolej Pengajian Seni Kreatif secara komited dalam menyampai dan menjayakan aktiviti dan pengurusan pelanggan utama iaitu pelajar. Keberkesanan dan komitmen penglibatan warga KPSK yang terdiri daripada warga akademik, staf sokongan, pelajar dan organisasi telah memberi impak positif kepada pelanggan atau stakeholder atau pemegang taruh berkepentingan.

Keberkesanan ini diterjemahkan dan diukur melalui pelaksanaan pelbagai projek di bawah pimpinan PTJ iaitu bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), KPSK. Sepanjang tempoh penggabungan antara tiga fakulti iaitu Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Fakulti Filem, Teater dan Animasi dan Fakulti Muzik yang bermula pada Februari 2022, sejumlah program-program bertaraf nasional dan antarabangsa telah dilaksanakan. Pengurusan dan pelaksanaan program-program yang dianjurkan memberikan keutamaan kepada pelanggan berkepentingan kepada KPSK. Program-program kendalian HEP yang dilaksanakan memberi tumpuan kepada pelanggan iaitu pelajar, pensyarah, komuniti dan industri dan pengendalian aktiviti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara program-program yang terlibat yang mencapai sasaran PTJ adalah program keusahawanan, program kepimpinan dan pembangunan kerjaya.

Berdasarkan projek-projek yang dilaksanakan oleh PTJ, Bahagian HEP KPSK unggul melalui tiga projek utama. Tiga hasil projek utama yang menunjukkan kejayaan melebihi sasaran pada tahun 2022. Tiga hasil utama tersebut adalah pertandingan inovasi, 1st International Start-Up League Competition (2022), anjuran Princess of Naradhiwas University (PNU) Narathiwat Thailand (2022), projek penilaian akhir pelajar (FYP) iaitu persembahan teater tradisional bertajuk Empowering Randai through IPTA'S Performing Arts (2022) anjuran Pengajian Liberal, KPSK Puncak Perdana dan pertandingan merekacipta barang kemas iaitu 3) Milano Jewellery Design Competition (2022). Ketiga-tiga projek ini merupakan pengukur dan pembuktian kepada pencapaian hasil PTJ terhadap tumpuan pelanggan. Perbincangan mencakupi sorotan kepada empat bahagian utama iaitu a) tahap, b) tren, c) perbandingan dan d) kepentingan yang membawa kejayaan kepada projek hasil utama kendalian PTJ.

#### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_B0082\\_HB02\\_20231\\_1.TAHAP.pdf](#)

#### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_B0082\\_HB03\\_20232\\_Lampiran 7.1.2.TREN.pdf](#)

#### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_B0082\\_HB04\\_20233\\_Lampiran 7.1.3.PERBANDINGAN.pdf](#)

### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_B0082\\_HB05\\_20234\\_Lampiran 7.1.4 KEPENTINGAN.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

#### TAJUK HASIL UTAMA

1. *MILANO Jewellery Design Competition 2022 (MJDC)*
2. Empowering Randai Through IPTA's Performing Arts
3. *1st International Start-Up league Competition 2023*

#### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Hasil Utama yang pertama, *MILANO Jewellery Design Competition 2022 (MJDC)* dianjurkan oleh Jabatan Seni Reka Logam Kontemporari dengan kerjasama MILANO Jewellery Sdn. Bhd. Seramai 71 orang pelajar menyertai pertandingan ini dan seramai lapan orang berjaya keperingkat akhir. Merupakan platform untuk mereka berkarya, menyerlahkan potensi kreatif estetik dalam reka bentuk barang kemas yang ringkas, minimalis dan kontemporari serta bersifat komersial selari dengan keperluan industri. Hasilnya, membolehkan pereka muda mendaftar dan mematenkan inovasi. Pelancaran pertandingan secara *live* dilaksanakan di Youtube, pengundian dilakukan di sosial media Instagram, pengumuman finalis dilaksanakan di Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) dan majlis penganugerahan secara gilang gemilang di Eastern & Oriental Hotel, Pulau Pinang. Seramai enam juri profesional dilantik dan majlis ini mendapat liputan dari BERNAMA TV. Projek ini tidak dibiaya oleh UiTM sebaliknya menerima tajaan sebanyak RM 55,850.00. Projek ini mendapat kerjasama dari pelbagai pihak kerana barang kemas merupakan perniagaan yang menguntungkan. Manusia sentiasa tertarik dengan emas.

Hasil Utama kedua, *Empowering Randai Through IPTA's Performing Arts* dianjurkan oleh Jabatan Seni Liberal dan Seni Persembahan dan kerjasama Pengajian Seni Digital dan Imejan dan Pengajian Konservatori Musik. Penganjuran ini melibatkan 11 subjek yang diberi penilaian. Projek ini bertujuan melestarikan teater tradisional Randai di peringkat seni persembahan di IPTA dan masyarakat awam melalui pendekatan 4P iaitu pameran, pembentangan, persembahan dan penerbitan. Meningkatkan kemahiran pelajar dalam seni persembahan dan pengurusan seni terutamanya dalam aspek perancangan, pengurusan, kepimpinan dan membina jaringan industri. Sebagai satu ruang dan peluang bagi pelajar mengaplikasi dan mempraktikkan teori secara praktikal dalam penganjuran 1) pameran virtual Randai 2) seminar Randai 3) persembahan Randai dan dokumentari. Link pameran virtual dikongsikan kepada penonton dua minggu sebelum tarikh pelaksanaan projek. Seminar Pembentangan bersemuka oleh 3 panel pakar Randai pula diterbitkan dalam bentuk E-Book. Penerbitan E-Book (berISBN) ini mengandungi penulisan dokumentasi proses projek meliputi pengurusan produksi, pengarah persembahan, pengurusan pameran, pengurusan seminar, pengurusan publisiti dan promosi serta kertas kerja pembentangan seminar. Manakala persembahan Teater Randai berlansung selama 3 hari dengan bimbingan dari pakar rujuk jempunan dan diarahkan oleh Dr Norzizi Zulkafli. Kos penganjuran dibiaya oleh HEP sebanyak RM XXX. Penganjuran ini telah berjaya mencapai matlamat apabila setiap program yang dijalankan dipenuhi oleh penonton serta mendapat publisiti yang baik. Projek budaya seperti Randai perlu dilaksanakan disemua peringkat bagi menghidupkan budaya bangsa yang bertamadun.

Hasil Utama ketiga, *1st International Start-Up League Competition 2023*, anjuran *Princess of Naradhiwas University (PNU) Narathiwat Thailand* di adakan pada 27-29 November 2022. Melalui Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (MASMED), Pengajian Seni Digital & Imejan, Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) telah dijemput untuk menyertai pertandingan ini. Ia melibatkan bidang teknologi dan inovasi dalam perniagaan semasa. Pertandingan ini julung kali diadakan oleh pihak PNU di mana seramai 36 pelajar yang terdiri daripada berbagai negara turut menyertainya. Melalui pertandingan ini, dapat membina dan

meneguhkan jati diri pelajar ke arah budaya perniagaan dan keusahawanan.

### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_B0082\\_HB02\\_20231\\_TAHAP.pdf](#)

### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_B0082\\_HB03\\_20232\\_TREN.pdf](#)

### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_B0082\\_HB04\\_20233\\_PERBANDINGAN ANDA ARAS.pdf](#)

### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_B0082\\_HB05\\_20234\\_KEPENTINGAN.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

Bahagian ini memfokuskan kepada kriteria kepimpinan serta perancangan strategi yang dilaksanakan dan dicapai oleh PTJ dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, KPSK, UiTM. Perbincangan mencakupi hasil pencapaian tahap, tren, perbandingan dan kepentingan.

#### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Hasil pertama yang telah dipilih untuk pelaporan AKNC adalah dari kriteria kepimpinan dan pelaksanaan strategik bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Kolej Pengajian Seni Kreatif secara rasminya telah dikuatkuasakan pada 3 Februari 2022 dengan penggabungan 3 fakulti iaitu Fakulti Seni Lukis & Seni Reka (FSSR), Fakulti Teater, Filem & Animasi (FITA) dan Fakulti Muzik (MU). Ketiga-tiga fakulti ini mempunyai kekuatan tersendiri dan telah menempaka nama di arena industri dengan kejayaan oleh pensyarah, pelajar dan para alumni.

Sasaran utama bagi hal ehwal pelajar berdasarkan pelan perancangan strategik BHEP adalah memacu 'Transformasi Mahasiswa UiTM (TAMU) untuk mencapai Hasrat 'Global Renowned University' (GRU) menjelang tahun 2025. Perancangan ini telah digembleng bersama perancangan di peringkat kolej pengajian dengan Pelan Tindakan yang telah dilaksanakan. Bahagian Transformasi Universiti (BTU) telah mensasarkan sebanyak 10 petunjuk prestasi (PI) kepada pejabat HEP bagi Kolej Pengajian Seni Kreatif. Dengan pelan perancangan strategik yang berkesan dan efektif kesemua petunjuk prestasi HEP telah tercapai secara purata 90%.

Dengan kekuatan 3 fakulti sebelum ini, sasaran ini menjadi lebih realistik dan mudah untuk dicapai. Peningkatan jumlah pelajar serta kepakaran pensyarah dan kakitangan sokongan menjadi sumber kekuatan kepada perancangan dan pelan tindakan akan yang telah dilaksanakan.

Antara matlamat utama kearah 'Global Renowned University' (GRU2025) dalam menyediakan Pendidikan berkualiti ialah menghasilkan graduan yang seimbang, tidak hanya berfokuskan kepada akademik malah memberi penekanan juga kepada kepimpinan dan pembangunan pelajar yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan. Maka strategi utama yang ditekankan adalah memperkukuhkan kebolehpasaran graduan dengan menjalankan aktiviti serta program-program pembangunan yang mampu membentuk kebolehan pelajar secara holistik. Misi KPSK adalah untuk menyediakan pelajar-pelajar dengan penglibatan secara global sebagai praktis, pendidik, pencipta, penyokong, dan penaung seni. KPSK mendorong perkembangan kemahiran profesional dan pertumbuhan intelektual yang diperlukan bagi mengejar inkuiri kreatif dan ilmiah dengan memperluaskan tradisi seni sambil mengamalkan budaya inovasi dan perubahan di peringkat global.

Perancangan yang teliti telah dilaksanakan supaya sasaran dan matlamat yang telah direncanakan dapat dilaksanakan yang sempurna tanpa sebarang permasalahan. Perancangan ini telah mengambil kira objektif yang telah digariskan oleh Kolej Pengajian Seni Kreatif kepada Dekan Hal Ehwal Pelajar iaitu berkolaborasi dengan rakan-rakan dalaman dan luaran untuk mencipta perkongsian yang membolehkan KPSK berada di garis hadapan industri, pedagogi dan berinteraksi dengan Komuniti melalui program-program inovatif di peringkat tempatan, kebangsaan, dan antarabangsa.

#### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_B0082\\_HB02\\_20231\\_Lampiran 7.3.2 Tahap.pdf](#)

#### **7.3.3 TREN (Trend)**



BUKTI : [H3\\_B0082\\_HB03\\_20232\\_lampiran 7.3.3 Trend v2.pdf](#)

#### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_B0082\\_HB04\\_20233\\_Lampiran 7.3.4 Perbandingan v2ii.pdf](#)

#### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_B0082\\_HB05\\_20234\\_Lampiran 7.3.5 kepentingan v2.pdf](#)